

MENERUSKAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK TAPEM



Dari Januari hingga Mac 2021

USAHAWAN WANITA, BANTUAN DAN INISIATIF GOLONGAN WANITA B40 DAN IBU TUNGGAL



INSENTIF ANAK MELAKA

Bantuan one-off RM1,000 menyambung pengajian di KUIM (700 pelajar) dan MiCOST (300 pelajar)

BANTUAN SUSU FORMULA

Peruntukan RM1.7 Juta untuk pesakit terlantar, OKU & warga emas melibatkan 361 orang penerima



215 PENGAYUH BECA BERLESEN DI MELAKA PADA 2021

Kerajaan Melaka akan memberi bantuan tunai one-off sebanyak RM200



KEMUDAHAN UNTUK BELIA

Peruntukan RM200,000 Program e-Sports



SAGU HATI NELAYAN BERDAFTAR


Peruntukan RM1.48 juta secara one-off kepada 1,100 nelayan berdaftar

- RM2,000 (Pemilik sampan)
- RM250 (Awak-awak)



BANTUAN LAMPIN PAKAI BUANG DEWASA

- Peruntukan RM800,000 (Jun-Disember)
- 2,240 orang penerima
- Bantuan akan diteruskan pada tahun 2021



USAHAWAN ASNAF

RM700,000 : Bantuan Perniagaan
RM200,000 : Program & Kursus Keusahawanan



Mhi

Edisi 28 | 14 Disember 2020 - 20 Disember 2020 | 28 Rabitulakhir 1442H - 5 Jamadilawal 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakaharini.my | Melakaharini

ANGKA TERKINI COVID-19
Dikemaskini setakat 11 Disember 2020, 12 pm

PULIH : 937

KES BAHRU : 1,810

KES KEMATIAN : 6

MUFC umum kejutan 20 Disember ini



NASKHAH PERCUMA



LOKAL
Ketukan pintu terhenti oleh ayat suci al-Quran MUKA 18

MUKA 23

KES KESELURUHAN : 80,309

BELANJAWAN RAKYAT

SELARAS dengan hasrat membantu rakyat, Ketua Menteri membentang Belanjawan Melaka 2021 yang menyentuh segenap lapisan masyarakat dari bayi yang baru lahir, peniaga, nelayan hingga ke penjawat awam. Belanjawan berjumlah RM445.86 juta juga khusus untuk merancak ekonomi Melaka pasca pandemik COVID-19. Lihat berita penuh di muka 2,3,4 & 5

INISIATIF UNTUK RAKYAT



MELAKA BEBAS NIAGA
selama satu tahun bermula Januari 2021



BANTUAN KHAS
Kewangan Penjawat Awam


Setengah Bulan Gaji atau Minimum RM1,000



Peruntukan RM1 juta, sebagai galakan keusahawanan

PEMBASMI KUMAN DAN PELITUP MUKA

Peruntukan RM5 juta kepada semua pelajar



GAJI KETUA MENTERI DAN EXCO DIPOTONG 10 PERATUS SELAMA 12 BULAN

Bermula Januari 2021 - disalurkan ke Tabung Bencana Negeri Melaka

Belanjawan 'roh' rakyat, memulihkan ekonomi pasca pandemik



dang berdepan dugaan besar pandemik dunia yang tidak pernah ditempuhi, hatta terfikir dek akal fikiran sebelumnya.

"Walaupun kita menghadapi kutipan hasil dan ekonomi yang tidak menentu, selaras slogan Melaka yang meletakkan perkataan rakyat sebagai roh utama, kita tetap mengutamakan kepentingan setiap insan di Melaka.

"Pendekatan kami jelas,

kita setiap hari bertemu dengan rakyat, kita dengar keluhan mereka, kita selami denyut nadi dan perasaan mereka.

"Semestinya saya pastikan bahawa tiada mana-mana golongan pun terpinggir daripada menerima bantuan dan manfaat atas prinsip, 'no one is left behind,' " katanya.

Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan (ADUN) Lendu menambah, belanjawan

sulungnya itu mengutamakan kebijakan rakyat dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi melalui inisiatif yang dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Antaranya adalah pengumuman yang terus disalurkan kepada golongan sasar iaitu pengurangan 50 peratus bayaran lesen penjaja dan peniaga kecil berjumlah RM590,000 memberi manfaat kepada seramai 10,715 peniaga.

Bagi kumpulan di sektor pelancongan, kerajaan turut memberi bantuan one-off bernilai RM600 kepada pemandu pelancong dan pemandu teksi selain RM200 masing-masing kepada 173 pemandu pelancong dan juga 141 pemandu bas pelancong.

Turut tidak terkecuali adalah sagu hati one-off kepada 1,100 nelayan berdaftar keseluruhan berjumlah RM1.48 Juta dengan pecahan RM2,000 untuk pemilik sampan serta RM250 untuk awak-awak.

Bantuan Susu Formula dengan peruntukan RM1.7 Juta juga diberikan kepada pesakit terlantar, orang kurang upaya dan warga emas melibatkan 361 orang penerima selain 215 pengayuh beca berlesen menerima bantuan tunai one-off sebanyak RM200.

Golongan ibu yang melahirkan bayi Rabu lalu juga menerima 'bonus' apabila ter-

pilih menerima pemberian khas berjumlah RM150 melalui pembukaan Akaun SSPN-i manakala semua bayi yang lahir di Melaka, layak menerima simpanan SSPN-i berjumlah RM50 setiap seorang.

Dalam pembentangan itu, Sulaiman turut menyentuh kejayaan Melaka mengurangkan hutangnya kepada kerajaan Persekutuan sebanyak RM178.39 juta biarpun belum setahun berada di bawah pimpinan kerajaan hari ini.

"Pengurangan itu adalah daripada RM821.63 juta pada 2019, kepada RM643.24 juta tahun ini iaitu hampir 21.71 peratus dengan kejayaan pengurangan hutang berjumlah RM178.39 juta," katanya.

Belanjawan Melaka 2021 berjumlah RM445.96 juta merangkumi perbelanjaan bekalan sebanyak RM436.38 juta selain perbelanjaan tanggungan adalah RM9.48 juta.



SULAIMAN (kanan) menerima buku Belanjawan 2021 Negeri Melaka daripada Pegawai Kewangan negeri, Datuk Zaidi Johari (kiri) pada hari pertama bagi Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri ke-14 di Dewan Undangan Negeri, Seri Negeri, pada 9 Disember lepas.

Gaji Ketua Menteri, Exco dipotong 10 peratus

Faiz Hasan

GAJI Ketua Menteri dan Exco negeri dipotong 10 peratus selama satu tahun bermula Januari 2021.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali berkata, nilai yang dipotong itu disalurkan ke Tabung Bencana Negeri Melaka.

Katanya, ia bagi membantu golongan terjejas memandangan dalam tempoh pandemik COVID-19 ramai kekurangan pendapatan dan lebih menyediakan mengalami kehilangan pekerjaan.

Ujarnya, pemotongan terbabit sebagai tanda prihatin kerajaan negeri bagi menyelami nasib rakyat Melaka dan kesejahteraan rakyat.

"Saya rasai keperitan yang dihadapi rakyat Melaka. Sebagai tanda prihatin kami, bermula Januari hingga Disember 2021, saya dan semua barisan Exco kerajaan negeri dengan ini telah sepakat bersetuju untuk memotong gaji bulanan sebanyak 10 peratus selama satu tahun."

"Wang itu nanti, akan dimasukkan ke Tabung Bencana Negeri Melaka untuk membantu rakyat yang terkesan akibat wabak tersebut," katanya.



Bayi lahir 9 Disember dapat RM150

BAYI yang lahir di Melaka pada 9 Disember bakal menerima penghargaan istimewa daripada Kerajaan Negeri Melaka.

Perkara itu diumumkan Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali ketika membentangkan Belanjawan Melaka 2021 pada Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Melaka Ke-14 baru-baru ini.

Menurutnya, pemberian khas itu diberikan dalam bentuk pembayaran khas berjumlah RM150 yang akan disalurkan melalui akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).

"Kepada ibu-ibu yang melahirkan bayi comel pada hari ini (9 Disember), bermula dari jam 12.00 tengah malam tadi sampai pukul 11.59 tengah malam ini di Negeri Melaka, anak anda memang bertuah, kerana dipilih untuk menerima pemberian khas daripada Kerajaan Melaka berjumlah RM150."

"Yang lahir pada 9 Disember sahaja dapat RM150. Kita akan salurkan melalui pembukaan Akaun SSPN-i," katanya dalam pembentangan tersebut.

Bonus setengah bulan gaji buat penjawat awam Melaka

LEBIH 4,000 penjawat awam di negeri ini bakal menerima bonus setengah bulan gaji atau minima RM1,000 bermula akhir Disember ini.

Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman Md. Ali berkata, berkata, bantuan khas itu akan dibayar sebanyak dua peringkat pada akhir Disember ini dan Januari tahun depan.

Katanya, insentif yang ditawarkan itu sebagai kesetiaan golongan terbabit menerusi Tonggak 5K iaitu, Komunikasi; Kolaborasi; Koordinasi; Komptensi dan Kongsi Matlamat Bersama yang menjadi pengangan penjawat awam di Melaka.

"Bagi memperhebat kecekapan itu,

kerajaan negeri memberi peruntukan tersebut sebagai penghargaan buat golongan ini.

"Kepada mereka saya nak 'kabau' sikit, 'janganlah kahau layan rakyat Melaka', 'tak usah masam-masam muko', kerana, 'nan diseru nan dipinta, nan ditunggu sudah pun tiba,' katanya.

Rakyat jadi keutamaan

BELANJAWAN Melaka 2021 yang dibentangkan oleh Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali baru-baru membuktikan bahawa rakyat di negeri ini sentiasa menjadi keutamaan.

Ia apabila belanjawan tersebut memberi fokus dan penekanan khusus bagi membantu segenap lapisan masyarakat di negeri ini, khususnya mereka yang terbeban dengan penularan pandemik COVID-19 yang mula melanda dunia sejak Mac lalu.

Bukti paling jelas menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri dalam membantu rakyat apabila Sulaiman mengumumkan pemotongan gaji Ketua Menteri dan barisan Pengerusi Jawatankuasa Negeri sebanyak 10 peratus selama setahun bermula tahun hadapan.

Sulaiman berkata, pemotongan tersebut telah dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) baru-baru ini yang mana kesemua wang daripada pemotongan tersebut akan disalurkan kepada Tabung Bencana Negeri Melaka dan seterusnya akan dipulangkan kembali kepada rakyat.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri turut menyelami denyut nadi rakyat dengan menyediakan Dana Kasih Niaga berjumlah RM1 juta yang mana ia akan diberikan kepada rakyat yang baru berjinakin-jinak untuk memulakan perniagaan.

Bagi golongan ibu bapa dan pelajar pula, Kerajaan negeri melaka menunjukkan keprihatinan dengan memperuntukkan RM5 juta bagi menyediakan pelitup muka dan cecair pembasmi kuman secara percuma di semua sekolah yang ada di negeri ini.

"Cuba bayangkan ibu bapa yang mempunyai anak yang bersekolah terpaksa membelanjakan RM0.50 untuk satu pelitup muka setiap hari. Kalau ada dua orang anak sudah jadi RM1 sehari dan sebulan boleh mencecah RM20. Itu kalau dua anak. Bayangkan kalau lebih lagi."

"Sebab itulah kita berikan peruntukan ini bukan sahaja kepada sekolah kebangsaan tetapi juga kepada sekolah jenis kebangsaan, tadika, sekolah pondok dan lain-lain. Kita berharap ia dapat mengurangkan beban yang ditanggung ibu bapa tatkala kita masih belum menang dalam menentang pandemik COVID-19," katanya dalam sidang media selepas pembentangan Belanjawan Melaka 2021 di Seri Negeri, pada 9 Disember lepas.

Menurutnya lagi, dalam pembentangan pertamanya sebagai Ketua Menteri Melaka ke-12, terdapat pelbagai lagi insentif yang diberikan kerajaan dalam pelbagai sektor khusus untuk membantu semua golongan.

Ujarnya, anggaran peruntukan yang dibelanjakan ialah hampir RM55 juta untuk disalurkan khas kepada rakyat dalam pelbagai bentuk, yakni bukan sahaja membabitkan insentif atau bantuan tunai khas sahaja, bahkan turut merangkumi pengecualian bayaran dan sebagainya.

"Fokus utama kerajaan hari ini adalah demi kesejahteraan rakyat di negeri ini," katanya lagi.





Bantuan Khas Kewangan Pejawat Awam Negeri Melaka



Setengah Bulan Gaji atau Minimum
RM1000

Melaka Hari Ini | www.melakaharini.my | Mhi

Melaka bebas berniaga 2021

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MELAKA bakal memberi kebebasan kepada rakyatnya untuk berniaga di lokasi sesuai dalam tempoh satu tahun.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata perkara tersebut merupakan antara inisiatif yang diberikan kerajaan negeri untuk membantu peniaga serta rakyat yang terjejas sepanjang pandemik COVID-19 melanda negara.

Katanya, para peniaga bagaimanapun perlu mendapatkan lesen perniagaan terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) di kawasan masing-masing.

"Jika di Wilayah Persekutuan, diumumkan inisiatif bebas berniaga selama enam bulan, tetapi di Melaka, demi membantu rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah bagi mencari rezeki untuk berniaga, seperti penjaja kecil, peniaga warung, penjual nasi lemak, pisang goreng, kuih-kuih dan penjual air kelapa."

"Maka, suka cita kerajaan negeri umumkan bermula Januari 2021, inisiatif 'Melaka bebas berniaga' adalah dibenarkan selama satu tahun."

"Tetapi, mestilah mempunyai lesen niaga dan yang paling penting ikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.



SULAIMAN ketika memberikan kenyataan dalam sidang media selepas pembentangan Belanjawan Negeri Melaka 2021 di Seri Negeri, pada 9 Disember lepas.

Lapangan terbang baharu Melaka

Masih di peringkat cadangan - Sulaiman

Mohamad Fazrul Abdul Majid

CADANGAN membina lapangan terbang baharu di negeri ini masih memerlukan kajian lanjut dan ia bukanlah satu keputusan yang telah dimukta-madkan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, kewujudan lapangan terbang baharu itu dicadangkan memandangkan Melaka dijangka bakal memiliki koridor ekonomi sendiri suatu hari nanti yang dipanggil Melaka Waterfront Economic Zone atau M-WEZ.

Jelasnya, jika impian M-WEZ di tanah seluas 6,070.28 hektar berjaya direalisasikan, pihak kerajaan negeri melihat adanya keperluan untuk pem-



binaan lapangan terbang dan pelbagai fasiliti baharu yang lain.

"Rasionalnya cadangan pembinaan lapangan terbang ini adalah apabila koridor ekonomi baharu seluas 6,070.28 hektar kita akan dibangunkan nanti, maka ia akan menjadi satu pusat perniagaan yang mana saya yakin perlunya ada sebuah lapangan terbang dan fasiliti-fasiliti baharu."

"Saya mahu melihat seluruh kawasan koridor itu lengkap mempunyai segala keleng-

kapan maritim mahupun udara.

"Apa pun perkara ini masih di peringkat cadangan dan jika kita mahu membina lapangan terbang baharu sekali pun, ia haruslah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas membacakan ucapan penggulungan Belanjawan Melaka 2021, pada 10 Disember lepas.

Terdahulu, dalam sesi pembentangan Belanjawan Melaka 2021 pada 9 Disember lepas, beliau menyatakan kerajaan negeri bercadang untuk membina Lapangan

Terbang Antarabangsa Melaka yang baharu di koridor M-WEZ, sebagai pemangkin pelaburan ekonomi masa depan.

Di samping itu, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) juga menyediakan Program Pembangunan Pelancongan Antarabangsa Bersama dan Dana Promosi

Pelancongan Antarabangsa Langkawi, untuk menambahkan penerbangan serta merancakkan lagi sektor penerbangan di Melaka.



SEKTOR penerbangan Melaka bakal rancak dengan adanya Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka yang baharu di koridor M-WEZ yang dilihat sebagai pemangkin pelaburan ekonomi masa depan. (Gambar Fail MHI)

10 insentif bantu pengusaha pelancongan Melaka



PENGAYUH beca antara yang turut menerima insentif bagi membantu para pemain industri dan pengusaha pelancongan di negeri ini.

(Gambar Fail MHI)

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BAGI membantu sektor pelancongan negeri ini yang terjejas teruk sepanjang penularan pandemik COVID-19, Melaka tampil dengan 10 insentif untuk membantu para pemain industri dan pengusaha pelancongan di negeri ini.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, antara insentif yang telah digariskan ialah mengecualikan cukai pelancongan sehingga Jun 2021 dan mengecualikan pembayaran levi HRDF bagi hotel dan syarikat pelancongan mulai April 2021 serta menangguhkan pembayaran ansuran cukai selama enam bulan bermula 1 April 2020.

"Selain itu, kerajaan negeri turut memberi kemudahan skim jaminan berjumlah RM50 bilion, dengan jaminan sehingga 80 peratus dari jum-

lah pinjaman. Ini bagi membiayai keperluan modal kerja oleh Danajamin pada 2020.

"Insentif keempat ialah memberi bantuan one-off bernilai RM500, bantuan kit makanan asas dan proses disinfeksi berkala secara percuma kepada 373 pengayuh beca pada 2020.

"Bantuan one-off bernilai RM600 juga akan diberikan kepada pemandu pelancong dan pemandu teksi pada 2020," katanya.

Menyambung insentif berkenaan, Sulaiman berkata, kerajaan turut menyedia Geran Khas PRIHATIN sebanyak RM3,000 bagi penggiat industri pelancongan yang berkategori kecil atau mikro pada 2020 dan bagi 2021, kerajaan negeri akan memberi bantuan tunai 'one off' kepada 173 pemandu pelancong dan pemandu bas pelancong berjumlah RM200.

"Insentif kelapan ialah mengecualikan cukai perkhidmatan ke atas sektor perhotelan bermula Mac hingga Ogos 2021, selain turut menangguhkan bayaran pinjaman moratorium oleh pihak bank sehingga Jun 2021.

"Yang terakhir, kerajaan negeri akan turut mengecualikan duti hiburan untuk tiga taman tema air, iaitu A Famosa Water Theme Park, Bayou Lagoon Resort dan Melaka Wonderland Water Theme Park pada 2021, serta program hiburan keluarga bermusim, yang menyumbang hampir RM1 juta kepada hasil negeri," kata-

nya. Beliau turut menyuarakan seruan kepada ketiga-tiga pengusaha taman tema air untuk menurunkan harga tiket bagi menggalakkan lebih ramai pelancong datang berkunjung ke negeri ini.

Pinjaman sehingga RM5,000 buat usahawan graduan anak Melaka

FAIZ HASAN

SKIM Pinjaman Mikrokredit Usahawan Graduan Anak Melaka (Gradpreneurs @ Melaka) akan diperkenalkan tahun hadapan khusus buat anak jati negeri ini dalam memperkasa kebolehpasaran dalam bidang keusahawanan.

Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman Md. Ali berkata, pinjaman mikrokredit akan di-

manfaatkan buat 200 graduan anak Melaka akan ditawarkan pinjaman dari RM3,000 hingga RM5,000.

Jelasnya, skim yang ditawarkan terbabit merupakan antara dua skim yang mampu dimanfaatkan golongan terbabit melalui kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dengan menumpukan seramai 500 graduan terpilih di negeri ini.

Menurutnya, selain itu, menerusi Institut Tun Perak, (ITP) satu skim lain turut ditawarkan buat 300 graduan anak Melaka dengan menawarkan skim latihan buat golongan terbabit bagi mendapatkan sijil kemahiran sebelum ditempatkan di industri sekitar negeri ini.

"Pihak Intitut Kemahiran Negara (INSKEN) dan Perbadanan Ekonomi Digital Ma-

laysia (MDEC) menerusi kerjasama IPT bersetuju menyediakan peruntukan bagi melatih usahawan Belia dan usahawan digital Melaka seramai 800 orang pada tahun hadapan.

"Selaras dengan Pelan Strategik 2020 Kementerian Belia dan Sukan (KBS), beberapa langkah lain turut diperkasakan bagi membentuk usahawan belia yang mampu

menjadi pewaris kepimpinan pada masa hadapan," katanya.

Mengulas lanjut, tiga inisiatif akan ditawarkan golongan belia di negeri ini iaitu Program myGIG Digital Freelance yang akan membuka peluang pekerjaan baharu secara digital kepada pekerja bebas digital menerusi Program Plat-

from Online Workforce (GLOW) dibawah MDEC.

Kedua, Program myGIG

Servis menerusi platform e-Rezeki dari MDEC turut ditawarkan sekali gus mampu membuka peluang pendapatan sebagaimana digital menerusi Ekonomi Gig atau Ekonomi Perkongsian.

"Yang ketiga, Program BOOTCAMP KBS 2020 mampu membantu belia mempelajari kemahiran sekali gus mampu memberi peluang pekerjaan," katanya.

Pelitup muka, 'hand sanitizer' percuma kepada pelajar

KESEMUA pelajar di negeri ini bakal menerima pelitup muka dan 'hand sanitizer' percuma pada tahun hadapan.

Ketua Menteri, Sulaiman Md Ali berkata, pemberian secara percuma itu tidak mengira pelajar dari sekolah aliran mana sekali pun, khusus bagi membantu anak-anak yang bakal bersekolah pada tahun

depan.

Jelasnya, pemberian itu bakal melibatkan peruntukan berjumlah RM5 juta.

"Kerajaan Melaka bersetuju untuk mengagihkan hand sanitizer dan pelitup muka kepada semua pelajar, seperti tadika dan taska, sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama, se-

kolah pondok, sekolah tahfiz, sekolah muballigh, di seluruh Negeri Melaka, secara percuma, dengan peruntukan berjumlah RM5 juta.

"Pentingnya, selagi COVID-19 belum ada penawar, kita mesti berusaha membendungnya dengan Hashtag, #MelakaMestiMenangCOVID19," katanya.

// Pemberian secara percuma itu tidak mengira pelajar dari sekolah aliran mana sekali pun, khusus bagi membantu anak-anak yang bakal bersekolah pada tahun depan. //

WiFi percuma diperluaskan

Faiz Hasan

PERKHIDMATAN WiFi percuma akan dibekalkan kerajaan negeri menjelang tahun hadapan bagi memudahkan akses rakyat seiring dengan hasrat Pelan Jalinan Digital Negara.


Datuk Seri Utama Hj Sulaiman Md. Ali berkata, perkhidmatan internet percuma itu akan dibekalkan dalam premis kerajaan termasuk di lokasi titik panas (hotspot) pelancongan negeri ini.

Menurutnya, inisiatif terbabit turut diperluaskan kepada 28 pejabat Jawatan Perkembangan

dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPE-RUN) di negeri ini.

"Kerajaan Melaka bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT), sentiasa berusaha menyediakan kemudahan WiFi percuma, bagi membolehkan rakyat menikmati akses internet percuma secara optimum di seluruh Melaka.

"Terutamanya di premis Kerajaan, lokasi hotspot pelancongan dan di 11 buah Pejabat JAPERUN Negeri serta akan diperluas lagi, kepada 17 Pejabat JAPERUN Negeri yang lain," katanya.



KERAJAAN negeri memperuntukkan RM1.48 juta bayaran sagu hati secara one-off kepada lebih 1,100 nelayan berdaftar di Melaka. (Gambar Fail MHI)

Bantuan 'one-off' buat nelayan

BANTUAN 'one-off' akan disumbangkan buat nelayan berdaftar di negeri ini demi menjaga kebajikan golongan terbabit.

Datuk Seri Utama Hj Sulaiman Md. Ali berkata, insentif itu akan dimanfaatkan buat lebih 1,100 nelayan di negeri ini dengan bantuan sebanyak RM2,000 buat pemilik sampan manakala RM250 buat 'awak-awak'.

"Sememangnya, kebajikan semua nelayan menjadi keutamaan kita. Bagi meringankan beban mereka, kita memperuntukkan RM1.48 juta bayaran sagu hati secara one-off kepada lebih 1,100 nelayan berdaftar di Melaka.

"Jumlah yang akan diterima nelayan adalah RM2,000 bagi pemilik sampan, dan RM250 pula bagi awak-awak," katanya.

Sementara itu, beliau turut menambah kerajaan negeri turut melaksanakan projek mendalamkan Muara Kuala Sungai Baru dan Sungai Punggor.

"Selain itu, bagi memudahkan laluan keluar masuk bot nelayan, Kerajaan Melaka turut melaksanakan projek mendalamkan Muara Kuala Sungai Baru dan Sungai Punggor, masing-masing berjumlah RM12 juta dan RM8 juta," tambahnya.

Lesen beca dikecualikan tahun depan



KERAJAAN negeri akan mengecualikan lesen buat pemandu beca di negeri ini menjelang tahun hadapan.

Datuk Seri Utama Hj Sulaiman Md. Ali berkata, kerajaan negeri turut menyalurkan insentif bantuan 'one off' kepada golongan terbabit sebanyak RM200.

"Saya faham, mencari sesuap nasi sebagai pengayuh beca di kala COVID-19 masih berluwasa amatlah mencabar.


"Bagi membantu pengayuh beca berlesen di Melaka, suka cita saya umumkan pada 2021, Kerajaan Melaka akan memberi bantuan tunai one-off sebanyak 200 ringgit," katanya.

Pada masa sama, Sulaiman berkata, golongan tersebut turut diberi caruman PERKESO pada tahun 2021 dengan peruntukan sebanyak RM200,000.

Melalui inisiatif itu, caruman tersebut turut melibatkan pemandu kereta sewa dan teksi di Melaka.

"Kerajaan Melaka bersetuju menaja caruman PERKESO buat 325 pengayuh beca dan 805 pemandu teksi serta kereta sewa di seluruh Melaka. Peruntukan hampir RM200,000 bagi tempoh setahun juga disediakan untuk Skim Keselamatan Pekerjaan Sendiri," jelasnya.

Bantuan RM100 untuk pegawai syarak Melaka



KERAJAAN Negeri Melaka berbesar hati mengumumkan bantuan 'one-off' RM100 kepada pegawai-pegawai syarak di negeri ini.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata,

bantuan itu bakal diagihkan kepada kesemua imam, noja, bilal dan pembantu fardhu kifayah di Melaka.

Jelasnya, ia melibatkan 185 buah masjid melibatkan peruntukan berjumlah

RM2.35 juta. "Bagi menghargai khidmat pegawai syarak seperti imam, noja, bilal, dan pem-

“ Bagi menghargai khidmat pegawai syarak seperti imam, noja, bilal, dan pembantu fardhu kifayah di seluruh Negeri Melaka, sebanyak RM2.35 juta eluan diberikan.

bantu fardhu kifayah di seluruh Negeri Melaka, sebanyak RM2.35 juta eluan diberikan.


"Tidak cukup itu, tahun depan, kita akan memberi bantuan tunai one-off kepada pegawai-pegawai syarak di 185 buah masjid seluruh Melaka berjumlah RM100," katanya.

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14 DISEMBER 2020	5.53 am	7.07 am	1.08 pm	4.32 pm	7.07 pm	8.22 pm
15 DISEMBER 2020	5.53 am	7.07 am	1.09 pm	4.32 pm	7.07 pm	8.22 pm
16 DISEMBER 2020	5.44 am	7.08 am	1.09 pm	4.33 pm	7.08 pm	8.23 pm
17 DISEMBER 2020	5.44 am	7.08 am	1.10 pm	4.33 pm	7.08 pm	8.23 pm
18 DISEMBER 2020	5.45 am	7.09 am	1.10 pm	4.34 pm	7.09 pm	8.24 pm
19 DISEMBER 2020	5.45 am	7.09 am	1.11 pm	4.34 pm	7.09 pm	8.24 pm
20 DISEMBER 2020	5.46 am	7.10 am	1.11 pm	4.35 pm	7.10 pm	8.25 pm

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

14 Disember - 20 Disember 2020 (28 Rabiulakhir 1442H - 5 Jamadilawal 1442H)



Rakyat sambut baik Belanjawan Melaka 2021

Saliawati Salberi

AYER KEROH - Pembentangan Belanjawan Melaka 2021 yang bertemakan 'Melaka Rumahku: Merangka Ekonomi, Membahagiakan Rakyat, Menggamit Dunia' oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali pada 9 Disember lepas, membawa khabar gembira khususnya



buat rakyat negeri ini.

Selain memfokuskan pemulihan ekonomi pasca COVID-19 yang mengutamakan kebajikan rakyat ia juga merancakkan pertumbuhan ekonomi melalui inisiatif-inisiatif yang dapat meningkat-

kan kesejahteraan rakyat.

Bagi Nooraini Ibrahim, 32, yang juga pembuat kek berkata, golongan wanita tidak terkecuali dalam mendapat manfaat daripada belanjawan menerusi beberapa inisiatif termasuk bantuan program kemahiran pembuatan kuih dan jahitan serta peruntukan RM500,000 bagi pembangunan dan kebajikan wanita.

"Apabila ada bantuan bagi program seperti ini ia dapat membantu kaum wanita men-

"Peluang ini dilihat dapat memudahkan dan meringankan beban antaranya mereka yang baru ingin bermula tanpa perlu memikirkan kos yang tinggi untuk sewaan kedai kerana boleh bermula di hadapan rumah atau lokasi selamat."

- MOHD Nasrom



cuba sesuatu dan daripada situ mereka boleh menghasilkan pendapatan sampingan.

"Selain itu, sebagai ibu yang menghantar anak ke sekolah tahfiz saya amat berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana memberi perhatian dengan menyalurkan insentif khas berjumlah RM1,000 kepada sekolah tahfiz," katanya.

Bagi penjawat awam

Mohd Nasrom Yusof berkata, kerajaan negeri amat prihatin dengan nasib rakyat memandangkan ramai yang terkesan ekoran penularan wabak COVID-19 apabila mengumumkan inisiatif meringankan beban rakyat.

"Inisiatif Melaka Bebas Berniaga adalah pengumuman yang saya yakin membawa perkhabaran gembira buat mereka yang terkesan

seperti kehilangan pekerja untuk mula mencari pendaftaran semula.

"Peluang ini dilihat dapat memudahkan dan meringankan beban antaranya mereka yang baru ingin bermula tanpa perlu memikirkan kos yang tinggi untuk sewaan kedai kerana boleh bermula di hadapan rumah atau lokasi selamat," katanya.

"Sebagai ibu yang menghantar anak ke sekolah tahfiz saya amat berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana memberi perhatian dengan menyalurkan insentif khas berjumlah RM1,000 kepada sekolah tahfiz."

- NOORAINI



Kerajaan negeri prihatin nasib nelayan



KEBAJIKAN golongan nelayan tidak terkecuali dan mendapat perhatian kerajaan negeri dalam pembentangan Belanjawan Melaka 2021 baru-baru ini.

AYER KEROH - "Terima kasih kepada kerajaan negeri terutamanya Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali kerana prihatin dan begitu mengambil berat nasib nelayan," itu kata Ketua Jaringan Pengkalan Nelayan Pantai Kundor dan Pantai Rombang Azmi Leman.

Pada pembentangan belanjawan Rabu lalu, Sulaiman mengumumkan Sagu Hati Nelayan Berdaftar kepada 1,100 nelayan di Melaka.

Sagu hati secara 'one-off' itu akan diberikan sebanyak RM2,000 kepada pemilik sampan dan RM250 kepada awak-awak.

Menurut Azmi, apa yang diumumkan oleh ketua menteri menunjukkan golongan nelayan tidak terkecuali dan mendapat perhatian kerajaan negeri.

"Kami nelayan menerima dengan hati terbuka akan jumlah sagu hati yang diumumkan kerana ia amat bermakna buat kami dalam meringankan beban perbelanjaan," katanya.

Sementara itu, bagi Ketua Jaringan Nelayan Kampung Hailam Mustaphah Japar berkata, dia amat berbesar hati dengan pengumuman dibuat oleh ketua menteri yang begitu menjaga kebajikan nelayan di Melaka.

"Saya mewakili rakan nelayan yang lain mengucapkan ribuan terima kasih kepada ketua menteri dan berharap agar bantuan kepada kami golongan nelayan ini akan diteruskan pada masa akan datang."

"Dengan situasi sekarang susulan pandemik COVID-19 ramai yang terkesan termasuk kami nelayan," katanya.

Peniaga perlu patuh, fikir keselamatan

nasib rakyat.

Katanya, keputusan kerajaan negeri yang membenarkan rakyat bebas bermula selama setahun adalah inisiatif terbaik dalam membantu rakyat yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

"Dengan adanya peluang ini peniaga atau penjaja ada peluang untuk mencari pendapatan sampingan namun mereka perlu mematuhi syarat dari pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti perlu memohon lesen serta mematuhi

prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Ketua Menteri sudah membuka ruang dan memberi peluang untuk mencari pendapatan bagaimanapun peniaga jangan bersikap mengambil mudah gunakan tempoh setahun itu sebaik mungkin," katanya.

Menurutnya, peniaga dan mereka yang ingin memulakan perniagaan juga perlu mengambil kira faktor keselamatan diri dan pengguna jalan raya apabila perlu memastikan lokasi pilihan mereka selamat.

"Saya mewakili persatuan mengucapkan ribuan terima

kasih kepada kerajaan negeri khususnya ketua menteri kerana menyediakan inisiatif sebegini," katanya

"Peniaga dan mereka yang ingin memulakan perniagaan juga perlu mengambil kira faktor keselamatan diri dan pengguna jalan raya apabila perlu memastikan lokasi pilihan mereka selamat".

- HAMIDAH



Pengecualian duti hiburan untuk tiga taman tema air

Pengusaha taman tema Melaka lega

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BUKIT KATIL - Pengumuman pengecualian duti hiburan bagi tahun 2021 untuk tiga taman tema di Melaka membuat pengusahanya menarik nafas lega.

Antara tiga taman tema yang disebut Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali untuk dikecualikan duti hiburan dalam pembentangan Belanjawan 2021, baru-baru ini ialah A Famosa Water Theme Park, Bayou Lagoon Resort dan Melaka Wonderland Melaka Theme Park.

Bagi Eksekutif Senior Komunikasi dan Pemasaran Bayou Lagoon Resort, Kim Mei Ee menjelaskan pengumuman itu difasifikat sebagai satu berita gembira kepada semua pengusaha Resort dan taman tema.

Jelasnya, dengan adanya pengecualian itu, pihaknya dapat memberi fokus untuk proses pemulihan semula taman tema berkenaan dan



menggantikan semula kehadiran pelancong pasca pandemik COVID-19.

"Ia berita yang amat baik buat pengusaha resort dalam negeri dan bagi saya pengumuman itu juga dapat menggalakkan semula kehadiran orang ramai untuk bercuti dan mandi-manda di resort milik kami selepas ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut Mei Ee, hasil daripada pengumuman tersebut, pihaknya telah merangka promosi 'Beli 1 Percuma 1' untuk warga Melaka mandi-manda di taman tema berkenaan.

"Selain itu, kita juga menyediakan pakej RM162 sahaja untuk penginapan di Bayou Lagoon, selain turut memperkenalkan pakej seminar dan mesyuarat.

"Kita juga akan memperbanyakkan saluran pembelian menerusi platform e-dagang seperti Shopee dan Lazada serta melakukan promosi melalui medium Facebook Live,"



BAYOU Lagoon Resort menyediakan pelbagai promosi bagi menggalakkan kehadiran pelancong bermula tahun depan.

ujarnya.

Katanya lagi, pihaknya turut menyasarkan peningkatan 10 peratus kehadiran pelancong ke Resort berkenaan melalui promosi serta kerja-

sama yang dilakukan bersama Tourism Melaka dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

"Kita akan sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP)

yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan akan mempertingkatkan tahap kebersihan premis bagi mengembalikan keyakinan pelancong," katanya lagi.

'Tak sangka komen Facebook dapat perhatian KM'

AYER KEROH - Bagai sedang bermimpi. Itulah yang boleh digambarkan mengenai perasaan seorang penjawat awam apabila namanya disebut Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali, dalam ucapan Belanjawan Melaka 2021, baru-baru ini.

Muhammad Zakri Chan Abdullah, 38, yang mengusahakan tanaman bandar di rumahnya sebelum ini telah mencadangkan agar tanah-tanah kosong milik kerajaan diberi peluang kepada rakyat bercucuk tanam di ruangan komen Facebook Sulaiman

Md Ali.

Namun, siapa sangka dia menjadi antara yang bertuah apabila komen yang ditinggalkan mendapat perhatian selain turut dijemput mendengar sendiri pembentangan Belanjawan Melaka 2021, di Seri Negeri, pada 9 Disember lepas.

Dalam pembentangannya, Sulaiman mengakui tertarik dengan respon yang diberikan itu dan telah masukkan cadangan berkenaan dalam agenda Belanjawan berkaitan.

Muhammad Zakri ber-

kata, komen yang ditinggalkan itu hanyalah tanggung-jawabnya sebagai rakyat Melaka dan apabila namanya disebut, baginya itu satu penghormatan yang cukup besar.

"Memang teruja sangat apabila komen saya diambil perhatian Ketua Menteri. Ini sebenarnya satu penghormatan kepada saya dan akan menjadikan kenangan ini sebagai memori indah dalam hidup saya," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Zakri berkata, cadangan tersebut dilontarkan kerana telah melihat sendiri bagaimana sektor pertanian dapat memberi sumber pendapatan buat rakyat.

Jelasnya, ditambah dengan situasi pandemik COVID-19 yang masih belum reda, dia percaya cadangan yang diberikan itu mampu memberi nilai tambah untuk membantu rakyat yang terkesan dari sudut kewangan.

"Sebenarnya jika kita dapat memaksimumkan penggunaan tanah terbiar ia mampu menjadi sumber pendapatan kepada rakyat dan Negeri Melaka amnya selain sektor pelancongan," katanya.

Terdahulu, dalam uca-



SULAIMAN menyebut nama dua warga net yang memberikan cadangan untuk Belanjawan Melaka 2021 ketika pembentangannya, baru-baru ini.

"Sebenarnya jika kita dapat memaksimumkan penggunaan tanah terbiar ia mampu menjadi sumber pendapatan kepada rakyat dan Negeri Melaka amnya selain sektor pelancongan," katanya.

Terdahulu, dalam ucap-

dapat 3,269 hektar tanah terbiar akan dimajukan untuk penanaman nanas, labu dan pisang.

Jelasnya, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan Jabatan Pertanian akan membantu mana-mana individu atau koperasi yang berusaha mengubah hutan dan

semak-semun menjadi kebun atau ladang pertanian.

Manakala bagi pekebun kecil, katanya, kerajaan negeri bersetuju memberi insentif bayaran premium bagi tanah lanjut tempoh pajakan, berstatus pertanian secara ansuran selama 18 bulan bagi ke luasan tanah 5 ekar ke bawah.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

Pengarang Kanan
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my

REKABENTUK & GRAFIK Ketua
HANALIZA JUMINGAN
jotshoot@melakahariini.my

AMBRAN MOHAMED
amran@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakahariini.my

Pengarang
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA
yondaiime87@melakahariini.my

NURSALIA SALBERI
nur_salberi@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakahariini.my

MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakahariini.my

MUHAMAD AIZAT BAHRUDIN
aizat.syamil65@melakahariini.my

Penolong Pengarang
AHMAD FUAD RAMDAN
fuadramdan@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR
khalidah@melakahariini.my

Penyunting Video
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

PEMASARAN Pengurus
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakahariini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL Eksekutif
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

MELAKA TV Ketua
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakahariini.my

Wartawan Penyiaran
MOHAMAD FARIS HAikal
farishhaikal.zakaria@melakahariini.my

Jurukamera
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakahariini.my

SITI NAJIHA ABDULLAH
snajihah96@yahoo.com

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli1990@melakahariini.my

Belanjawan Melaka 2021 bukan untuk PRU-15

Saliawati Salberi

AYER KEROH – Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali menafikan dakwaan pembentangan Belanjawan Melaka 2021 tidak realistik, sebaliknya ia lebih menjurus kepada rakyat keseluruhannya.

Katanya, dalam pembentangan Belanjawan Melaka 2021 pada 9 Disember lepas, lebih RM54 juta belanjawan telah diperuntukkan secara terus kepada rakyat.

"Tiada satu pun yang saya menjuruskan (belanjawan) itu menuju kepada PRU-15, itu adalah pandangan masing-masing.

"Saya tidak beranggapan

begitu apa yang saya buat ini adalah khusus kepada rakyat yang sepatutnya menerima nikmat daripada limpahan ekonomi yang ada dalam negeri ini.

"Untuk makluman lebih RM54 juta daripada peruntukan ataupun bajet saya serahkan kepada rakyat," jelasnya.

Beliau berkata demikian di sidang media hari terakhir Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Keempat Belas, baru-baru ini.

Terdahulu Ketua Pembangkang Adly Zahari pada sidang media pada 11 Disember lepas mendakwa Belanjawan Melaka 2021 yang berjumlah lebih RM445 juta

disifatkan tidak realistik sebaliknya menjurus kepada persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Katanya, perkara itu dilihat menerusi perbelanjaan yang dirancang menerusi peruntukan kepada Pejabat Ketua Menteri yang meningkat kepada RM5 juta berbanding RM3.15 juta yang diperuntukkan pada Belanjawan Melaka 2020.

Beliau mendakwa, bajet yang diperuntukkan tidak menjurus kepada kepentingan rakyat ketika kepayahan mereka menghadapi pandemik COVID-19 sebaliknya digunakan dalam operasi tertentu yang tidak diperincikan secara lanjut oleh kerajaan.



SULAIMAN

Kerja-kerja pembersihan jalan diserahkan kembali kepada PBT

Farah Suhaidah Othman

KERAJAAN negeri bersetuju sekiranya kerja pembersihan kawasan di negeri ini diserahkan semula kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan (BN-Asahan) yang juga Pengurus Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar negeri berkata, sebelum kerja pembersihan diambil alih oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp), kerja pembersihan jalan termasuk kerja-kerja pemotongan rumput sama ada jalan negeri dibuat

sendiri oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Katanya, bagaimanapun sistem penyelenggaraan itu berubah yang mana kaedah pembersihan itu diserahkan kepada SW Corp dengan mengupah syarikat SWM Environment Sdn Bhd (SWM).

"Kita bangkitkan dengan kerjaan tempatan perkara yang sama, di mana kita minta kerja-kerja pemotongan potong rumput dan pembersihan jalan diserahkan balik kepada PBT.

"Maknanya, kita serahkan balik kepada PBT dan kita sendiri uruskan, maknanya peruntukan di-

bayar terus kepada PBT.

"Kalau kita buat kerja, mudah kita mengarahkan kontraktor tidak bersih, disebabkan kontraktor dilaksanakan bukan kita, jadi sukar kita memantau kerja-kerja pembersihan itu.

"Justeru itu, saya bersepuju maknanya kalau boleh kerja pembersihan diserahkan kepada PBT," katanya.

Beliau bagi menjawab soalan tambahan Datuk Zaidi Attan (BN-Serkam) pada Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Keempat Belas di Seri Negeri, pada 11 Disember lepas.

Pembangunan mega kemajuan Machap Jaya

Liana Sahabudin

PEMBANGUNAN mega di kawasan Lesung Batu bakal menjadi katalis kepada keseluruhan kawasan Machap Jaya sekali gus memberi manfaat kepada penduduk di situ.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar, Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau, Datuk Seri Utama Idris Haron berkata, usaha itu memberi impak kepada seramai 250,000 penduduk di Alor Gajah.

"Bagi kawasan Machap Jaya terdapat seramai 18,500 penduduk termasuk Orang Asli dan seramai 5,000 penduduk di kawasan Lesung Batu.

"Saya difahamkan pembangunan rak-

sasa ini inisiatif Yayasan Melaka dengan pihak swasta Gabungan Ehsan Sdn Bhd," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Ginie Lim Siew Lin (PKR-Machap Jaya) pada hari ketiga Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas di Seri Negeri, pada 11 Disember lepas.

Katanya, apabila pembangunan berimpak besar itu dilaksanakan ia mampu memajukan kawasan Lesung Batu dengan nilai pembangunan kasar lebih RM1.5 bilion.

"Ini secara tidak langsung menjadikan Alor Gajah setanding dengan Putrajaya," katanya.



IDRIS ketika menjawab soalan tambahan Datuk Ginie Lim Siew Lin (PKR-Machap Jaya) pada hari ketiga Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas di Seri Negeri, pada 11 Disember lepas.



ABDUL Ghafaar ketika menjawab soalan tambahan Datuk Zaidi Attan (BN-Serkam).

Kes denggi di Melaka meningkat



RAHMAD ketika menjawab soalan lisan Datuk Tey Kok Kiew (DAP-Banda Hilir).

KES denggi di negeri ini menunjukkan peningkatan sebanyak 34.85 peratus atau 2,720 kes sehingga 5 Disember tahun ini berbanding 2,017 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah Negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, pada minggu ini (10 Disember) juga terdapat peningkatan sebanyak 16 kes denggi.

"Manakala, sebanyak lanjut kes kematian demam denggi direkodkan di mana empat kes di Melaka Tengah iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Molek, Kota Lak-

sama, Duyong dan Telok Mas.

"Diikuti dua kes denggi masing-masing di Daerah Alor Gajah dan Jasin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Datuk Tey Kok Kiew (PH-Banda Hilir).

Jelasnya, DUN yang mencatatkan kes tertinggi adalah di Bukit Katil sebanyak 305 kes diikuti Ayer Keroh (270 kes) dan Paya Rumput (232 kes).

"Kajian kawalan teknologi pencegahan denggi menggunakan sinaran gamma untuk memandulkan nyamuk jantan melepaskan nyamuk mandul ini, setakat ini tiada kes demam denggi dilaporkan dalam kawasan lokaliti kajian itu," katanya.

Aedes dikakukan dan lokasi awal kajian adalah di Kota Laksamana.

"Kota Laksamana lokasi awal kajian yang melepaskan nyamuk mandul ini, setakat ini tiada kes demam denggi dilaporkan dalam kawasan lokaliti kajian itu," katanya.

Dalam pada itu Rahmad berkata sebanyak 43 kes chikungunya dilaporkan di negeri ini 39 kes di Melaka Tengah dan masing-masing dua kes di Daerah Jasin dan Alor Gajah, manakala tiada kes virus zika dilaporkan setakat ini.

24,530 individu terima bantuan JKM

Saliawati Salberi

SERAMAI 24,530 penerima menerima bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri sehingga September 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan, Datuk Wira Latipah Omar (PN-Taboh Naning) berkata, daripada jumlah itu seramai 4,965 orang menerima bantuan daripada peruntukan negeri manakala daripada persekutuan 19,565 penerima.

“Daripada jumlah itu, penerima dari daerah Jasin seramai 6,366 orang; Melaka Tengah, 11,436 orang dan Alor Gajah seramai 6,688 orang. //

"Daripada jumlah itu, penerima dari daerah Jasin seramai 6,366 orang; Melaka Tengah, 11,436 orang dan Alor Gajah seramai 6,688 orang.

"Ini menunjukkan tiada sebarang pemutihan dilakukan ke atas penerima bantuan," katanya.


Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan daripada Seah Shoo Chin (PH-Duyong).



LATIPAH ketika menjawab soalan lisan daripada Seah Shoo Chin (PH-Duyong).

SEKITAR PERSIDANGAN KETIGA (BAJET) PENGGAL KETIGA, DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA KEEMPAT BELAS


SPEAKER Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh ketika mengawal situasi dewan pada hari kedua Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Keempat Belas pada 11 Disember lepas.



TIMBALAN Speaker DUN Melaka, Datuk Wira Ghazale Muhamad ketika mempengerusikan Sidang DUN pada hari ketiga Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Keempat Belas pada 11 Disember lepas.



PENGERUSI Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Wira Ar Ismail Othman ketika menjawab soalan dari Ketua Pembangkang, Adly Zahari (PH-Bukit Katil) pada hari pertama Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Keempat Belas pada 9 Disember lepas.



PENGERUSI Jawatankuasa Pertanian, Perniagaan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee ketika menjawab soalan Datuk Zaidee Attan (PN-Serkam) pada hari pertama Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Keempat Belas pada 9 Disember lepas.



KETUA Penolong Setiausaha Kerajaan Unit Dewan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKKN), Ahmad Azlan Ahmad Salleh ketika membacakan jumlah undi usul pemilihan Ahli Dewan Negara pada hari kedua Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Keempat Belas pada 11 Disember lepas.





BANTUAN ANSURAN
RM200 SEBULAN
PERCUMA
UNTUK 24 BULAN PERTAMA****

SEDIA
DIDUDUKI
UNIT TERHAD

Taman Perumahan Sederhana Pertama
Yang Mempunyai “Club House”

“Kolam Renang & Gym”

*PERCUMA Yuran “CLUB HOUSE”
6 Bulan Pertama



PERCUMA
KOS PERUNDANGAN
UNTUK KOS
SPA & LA

PINJAMAN
PENUH DENGAN
POTENSI
“CASH-BACK”

PERCUMA
DUTI SETEM
(MOT & LA)
*KECUALI KEDAI
PEJABAT
1½ TINGKAT

RM 1000
YURAN
TEMPAHAN

CCC &
GERAN
INDIVIDU
SUDAH DIPEROLEH



TEMPAHAN DIBUKA SEKARANG !



RUMAH SEMI-D

DARI
RM435,100-00**

36' X 70'

5 BILIK TIDUR
 5 BILIK AIR



RUMAH TERES
2 TINGKAT

DARI
RM353,400-00**

22' X 70'

4 BILIK TIDUR
 3 BILIK AIR



KEDAI PEJABAT
1½ TINGKAT

DARI
RM429,000-00

20' X 65'

LUAS TANAH : 1,300 - 1,837 SQF
LUAS BINAAN KEDAI : 2,151 - 3,185 SQF



JUALAN / SEWAAN

* Tertakluk Pada Terma & Syarat ** Bumiputera lots *** Rumah Berkembar 2 Tingkat & Rumah Teres 2 Tingkat **** Hanya untuk BSN MyHome-i (Skim Perumahan Belia) sahaja



NOR - 010-432 2108
FADZIL - 010-270 3832

HIDAYAH - 017-310 1102
OTHMAN - 013-365 6185



SMS REALTY SDN BHD
966511-V

Lot 2855 - 2863 Pinggir TTDI, Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur
No. Permit Iklan : 19335 - 1/03 = 2020/0232 (P) * No. Lesen Pernaju : 19335 - 1/03 - 2020/0232/L

TEL: 03-7733 1666
FAX: 03-7732 0666

EDISI 14 DISEMBER 2020 - 20 DISEMBER 2020

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)



YANG di Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Rustam menyampaikan anugerah kepada salah seorang penerima anugerah pada Majlis Perhimpunan dan Penyampaian Anugerah Khas Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka. Majlis berskala kecil itu merupakan anjuran Kerajaan Negeri Melaka bersama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Turut hadir mengiringi Tun, Ketua Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan.

Jana ekonomi berpaksikan harta tanah wakaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Tanah wakaf di negeri ini yang dianggarkan seluas 133.58 hektar wajar dibangunkan dengan pelbagai model perniagaan untuk menjana ekonomi umat Islam.

Keseluruhan tanah wakaf yang dianggarkan bernilai RM14,466,400 itu mempunyai potensi besar untuk dimajukan sekiranya ruang lingkup berwakaf dibuka sepenuhnya.

Berdasarkan data tanah wakaf terkini yang dikeluarkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), keluasan tanah wakaf di negara ini

ialah 41,407.33 hektar, manakala di Melaka sahaja seluas 133.58 hektar.

Pelbagai agenda besar lain akan dimajukan oleh ummah khususnya dalam bidang ekonomi apabila ruang lingkup berwakaf dapat dibuka terutama membantu golongan asnaf atau masyarakat Islam kurang bernasib baik.

Berbanding penyerahan mutlak tanah wakaf sebagai masjid dan tanah kubur, MAIM telah menyusun pelan jangka panjang dengan menyediakan pelbagai manfaat lain yang boleh dicetuskan menerusi amalan berwakaf dan memberi sumbangan besar kepada ekonomi umat Islam negeri ini.



TIMBALAN Pengerusi MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menyampaikan cek kepada Masjid Namira, Felcra Ramuan China bagi proses pembaikan kubah masjid yang rosak.

Untuk rekod, keluasan tanah wakaf di Melaka mengikut daerah adalah 32.45 hektar di Alor Gajah, Jasin seluas 91.99 hektar dan 9.15 hektar bagi daerah Melaka Tengah.

Amalan wakaf sama ada berbentuk harta tanah dan juga saham wakaf tunai, mampu menjana pendapatan ummah dan disumbangkan kepada golongan yang memerlukan bantuan sewajarnya.

Antara contoh, Masjid Tengku Sulaiman Ketari, di Bentong, Pahang dan Masjid Al-Hassanah, Bandar Baru Bangi yang membangunkan lot perniagaan yang membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat se-



KEADAAN masjid antara topik perbincangan ringkas Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bersama Pengerusi Masjid Namira.

“Keluasan tanah wakaf di Melaka mengikut daerah adalah 32.45 hektar di Alor Gajah, Jasin seluas 91.99 hektar dan 9.15 hektar bagi daerah Melaka Tengah.”

tempat.

Juga di negeri ini dalam daerah Melaka Tengah, terdapat banyak premis wakaf milik Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang telah disewakan manakala tanah yang berpotensi telah dimajukan bersama

agensi korporat yang berpengalaman.

Hasil manfaat pembangunan tanah-tanah wakaf berkenaan, banyak manfaat serta peluang pekerjaan dapat diwujudkan khususnya kepada golongan belia, asnaf dan masyarakat Islam di negeri ini.

CAKNA ASNAF...Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud bersama Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyantuni dan menyampaikan sumbangan kit makanan dan wang tunai kepada asnaf, Napsiah Nekmat di DUN Pengkalan Batu baru-baru ini. Penerima turut menerima bantuan proses baik pulih rumah daripada MAIM dan telah siap sepenuhnya berikutnya rumah berkenaan agak usang untuk didiami.



PEMANTAUAN dan tinjauan beberapa lot tanah wakaf di kawasan DUN Ayer Limau bagi memastikan manfaat pembangunan tanah wakaf dapat direalisasikan bersama kariah dalam DUN berkenaan. Timbalan Pengurus MAIM, Md Rawi Mahmud mengadakan perbincangan lisan bersama sebahagian ahli jawatankuasa masjid berkaitan perancangan jangka panjang untuk kemaslahatan umat islam di kariah terbabit.



UNIT Pembangunan Asnaf MAIM menyantuni sebahagian anak asnaf di dalam DUN Ayer Limau yang telah berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan sedang mengikuti pengajian di beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

JOM BERWAKAF
“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”
 Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu
sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh
 yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-

<https://iwakaf.maim.gov.my>

Betulkan niat, moga hidup bertambah berkat



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

lunaskan Zakat Fitrah atas talian (online) sebagai tuntutan yang telah disyariatkan oleh Islam. Hal ini kerana, jumlah kadarnya hanya RM7 / RM14 seorang sahaja dan tidak menjadi perbualan hangat dikalangan masyarakat Islam, tetapi berlainan pula dengan Zakat Pendapatan, Emas & Perak, Perniagaan, Wang Simpanan, Saham, Ternakan, Pertanian dan Qada' Zakat.

Persoalan tentang Zakat Pendapatan, ramai dikalangan masyarakat khususnya masyarakat Islam lebih gerun agensi percuakan berbanding dengan perintah Allah SWT. Sememangnya tidak dinafikan fungsi penubuhan agensi percuakan kerana ianya adalah sebagai pengutip hasil negara bagi menjaga kebijakan dan infrastruktur negara. Akan tetapi sebagai umat Islam adalah diwajibkan dengan hukum zakat yang perlu dilunaskan setiap tahun bagi tuntutan dan perintah Allah SWT.

Oleh kerana itu, agensi percuakan

memberi pengecualian atau rebat 100% cukai pendapatan bagi memenuhi tuntutan bayaran zakat kepada umat Islam yang wajib menunaikannya bagi menuruti syariat Islam. Namun begitu, harus diingatkan bahawa setiap perbuatan haruslah disertai dengan niat. Tanpa niat yang betul dikhawatir akan mengakibatkan amalan melunaskan Zakat Pendapatan itu tidak mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Justeru itu, persoalan melunaskan zakat atau membayar cukai itu adalah hak peribadi seseorang individu, tetapi yang paling penting seseorang itu tidak wajar melanggar peraturan pemerintah dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai rakyat demi agama dan negara.

Mengapa mereka memilih hujung tahun?

Persoalan ini selalu diketengahkan dimana sebahagian besar ingin mendapatkan rebat 100% cukai pendapatan. Tetapi perlu diingatkan bahawa sebaik-baiknya janganlah bertangguh-tangguh dalam melaksanakan ibadah zakat ini. Tunaikanlah zakat dengan segera supaya harta yang dimiliki akan bertambah berkat dan Allah SWT pastinya akan melipatgandakan rezeki sekaligus memberi manfaat yang cukup besar kepada kehidupan asnaf. In Shaa Allah.

Sebarang pembayaran & pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian Whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut. Sekian terima kasih.

PERBEZAAN ANTARA Zakat & Cukai



ZAKAT	PERKARA	CUKAI
Penyucian jiwa & harta serta tanggungjawab agama.	KONSEP	Dikenakan oleh pemerintah kepada rakyat sebagai tanggungjawab sosial.
Zakat adalah ibadah khusus (Rukun Islam).	IBADAH	Cukai tanggungjawab sosial dan kewajipan terhadap pemerintah.
Berdosa jika tidak ditunaikan & dikira mengabaikan tanggungjawab kepada Allah.	HUKUM	Tidak bayar cukai dikenakan denda oleh pemerintah.
Tetap iaitu pada pemilikan harta melebihi 20 Mithqal/ 85gm pada kadar kenaan Zakat sebanyak 1/40 atau 2.5% tanpa mengira jumlah harta yang diperolehi.	KADAR	Berubah mengikut kadar yang ditetapkan oleh kerajaan pada setiap tahun & akan bertambah peratusannya mengikut pertambahan bilangan harta yang dimiliki.
8 golongan asnaf sahaja.	AGIHAN	Membiayai semua aktiviti pemerintah untuk keperluan rakyat secara umum.
Harta semasa dan nilai harta yang ditaksir pada tahun (haul) Zakat yang tetap setiap tahun.	NILAIAN TAKSIRAN TAHUNAN	Nilai cukai yang ditetapkan dalam belanjawan negara yang berubah-ubah.

REBAT 100% CUKAI PENDAPATAN

ZAKAT MELAKA

Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP), Seksyen 6A (3), memberi keistimewaan kepada orang-orang Islam iaitu:

"Rebat hendaklah diberikan pada tahun-tahun taksiran untuk sebarang bayaran zakat atau lain-lain tuntutan agama Islam yang mana pembayarannya wajib dan yang telah dibayar dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu dan dibuktikan oleh resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut undang-undang bertulis".

Ini bermakna, semakin banyak zakat yang dilunaskan semakin kuranglah kadar cukai pendapatan yang akan dikenakan. Ini disebabkan oleh rebat cukai yang disediakan.

Contoh Pengiraannya :

- SITUASI 1: CUKAI MENYAMAI ZAKAT**
"Jika tuan/puan melunaskan zakat sebanyak RM800 tuan/puan layak untuk mendapat rebat cukai sebanyak RM800."
- SITUASI 2: CUKAI MELEBIHI ZAKAT**
= Jumlah Cukai Pendapatan - Jumlah Zakat
= Jumlah Cukai Perlu Dibayar
= RM1,000 - RM800
= RM200 (Jumlah Cukai Perlu Dibayar)
- SITUASI 3: ZAKAT MELEBIHI CUKAI**
= Jumlah Zakat - Jumlah Cukai Pendapatan
= Jumlah Cukai Perlu Dibayar
= RM1,000 - RM800
= Tiada (Jumlah Cukai Perlu Dibayar)

1-300-88-0233 | www.izakat.com | Zakat Melaka | zakat.melaka | Zakat Melaka



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | majlis agama islam melaka

Facebook | facebook/maimmelaka

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



KETUA MENTERI yang juga Penggerusi MAIM, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali hadir mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bertempat di Seri Negeri baru-baru ini. Kemaslahatan dan kesejahteraan umat Islam di negeri ini merupakan tumpuan utama perbincangan bagi memastikan manfaat hal ehwal agama Islam di nikmati bersama.



KETUA Unit Wakaf, Ahmad Ataillah Zakariah menerima saham tunai yang telah disempurnakan oleh **Masriah Ibrahim** yang bertujuan pewakafan masjid dan surau serta madrasah di negeri ini.



TANYA KABAR... Pengurusan Kompleks Fatimah Al Zahra MAIM (KAYFAZ) diketuai Penolong Setiausaha Bahagian Agihan Zakat MAIM, Shakina Mohd Said bersama Ketua Seksyen Pembangunan Asnaf MAIM, Arina Safuraa Alim menyantuni sebahagian anak-anak penghuni KAYFAZ yang kini masih berada di rumah mereka berikutan penutupan asrama selaras dengan arahan kerajaan akibat daripada penularan pandemik Covid-19 yang masih ada di negara ini.

Ke Manakah Wakaf Anda?

Jom Berwakaf

Wakaf Tunai Melaka

Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1 MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2 Download APPS e-WALLET BOOST

Kaedah bayaran #3 Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4 MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM) 0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : BAHASA MELAYU**

TEKNIK PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU SPM

Contoh Perenggan Isi Pertama :

I	Mengkuarantin orang ramai yang pulang dari luar negara).
M	Kebanyakan mangsa yang terdapat di Malaysia ialah mereka yang baru balik dari negara tersebut.
Ba	Pelancong asing tidak terkecuali menjalani kuarantin dan pemeriksaan doktor sebelum dibenarkan berada di Malaysia – semua penumpang yang menaiki kapal terbang turut dinasihati supaya menjalani pemeriksaan doktor.
K	Mengekang penularan virus berbahaya ini.
U	Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.
P	Sikap berwaspada dan berjaga-jaga dapat mengelak penyakit daripada terus merebak.

Pihak kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran haruslah peka tentang masalah ini dengan membuat penutupan beberapa buah sekolah yang berisiko mendapat penyakit berbahaya ini. Hal ini begitu kerana ada beberapa orang murid di sekolah berkenaan telah dijangkiti virus berbahaya ini. Oleh itu, langkah pihak kerajaan menutup empat buah sekolah selama seminggu di Kuala Lumpur ialah langkah yang bijak. Selain itu, semua warga sekolah termasuk para murid dan guru-guru di sekolah berkenaan turut dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan. Sebagai kesannya, langkah penutupan sekolah ini dapat mengelak penyakit ini merebak ke kawasan lain. Kita tidak mahu bersikap seperti peribahasa *sudah terhantuk baru nak tengadah* kerana jika hal ini berlaku sudah tidak berguna lagi. Hakikatnya, penutupan sekolah ini dapat mengelakkan penularan penyakit berjangkit ini daripada terus berlaku.

Perenggan Isi Kedua :

Sila isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

I	
M	Ada beberapa orang murid di sekolah berkenaan dijangkiti virus berbahaya ini.
Ba	
K	Dapat mengelak penyakit ini merebak ke kawasan lain.
U	
P	Mengelakkan penularan penyakit berjangkit ini daripada terus berlaku.

Pihak kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran haruslah peka tentang masalah ini dengan membuat penutupan beberapa buah sekolah yang berisiko mendapat penyakit berbahaya ini. Hal ini begitu kerana ada beberapa orang murid di sekolah berkenaan telah dijangkiti virus berbahaya ini. Oleh itu, langkah pihak kerajaan menutup empat buah sekolah selama seminggu di Kuala Lumpur ialah langkah yang bijak. Selain itu, semua warga sekolah termasuk para murid dan guru-guru di sekolah berkenaan turut dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan. Sebagai kesannya, langkah penutupan sekolah ini dapat mengelak penyakit ini merebak ke kawasan lain. Kita tidak mahu bersikap seperti peribahasa *sudah terhantuk baru nak tengadah* kerana jika hal ini berlaku sudah tidak berguna lagi. Hakikatnya, penutupan sekolah ini dapat mengelakkan penularan penyakit berjangkit ini daripada terus berlaku.

Perenggan Isi Ketiga :

I	Mengadakan kempen kesihatan.
M	Masyarakat masih kurang kesedaran tentang bahaya penyakit ini.
Ba	Kempen ini disebarluaskan melalui pelbagai media massa – orang ramai juga dinasihati agar memakai topeng serta membasuh tangan dengan bersih selepas batuk atau bersin.
K	Menyedarkan orang ramai supaya sentiasa menjaga kebersihan diri.
U	Nasi sudah menjadi bubur.
P	Wabak penyakit berjangkit dapat dikekang daripada terus merebak.



FORMULA PENULISAN PERENGGAN KESIMPULAN:

Bahagian kesimpulan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut :

- P = Pandangan tentang tema
C = Cadangan tentang tema
H = Harapan tentang tema

P	Penyakit yang berbahaya dan sukar untuk ditangani jika tidak diambil langkah bersepudau.
C	Semua pihak bekerjasama dengan pihak kerajaan mengawal masalah ini daripada terus merebak.
H	Negara kita terus menjadi tempat yang selamat untuk dilawati – kesihatan rakyat yang akan menjadi penanda aras keharmonian sesebuah negara akan terus dipertahankan.

Lengkapkan perenggan di bawah dengan menggunakan ayat yang betul.

Kesimpulannya, penyakit berjangkit merupakan penyakit _____
Dalam hal ini, semua pihak _____ bagi aur dengan tebing dengan pihak kerajaan bagi mengawal _____. Pendek kata, negara kita akan terus _____. Tegasnya, kesihatan rakyat yang akan _____.

JAWAPAN

Perenggan Isi Kedua

I	Penutupan beberapa buah sekolah.
Ba	Empat buah sekolah telah ditutup selama seminggu di Kuala Lumpur – semua warga sekolah termasuk para murid dan guru-guru di sekolah berkenaan turut dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan.
U	Sudah terhantuk baru nak tengadah tidak berguna lagi.

Perenggan Isi Ketiga

Kementerian Kesihatan juga haruslah mengambil langkah proaktif dan menyeluruh dengan mengadakan kempen kesihatan dan penjagaan kebersihan diri. Hal ini disebabkan masyarakat masih kurang kesedaran tentang bahaya penyakit ini. Dengan demikian, kempen ini boleh disebarluaskan melalui pelbagai media massa. Tambahan pula, orang ramai juga dinasihati agar memakai topeng serta membasuh tangan dengan bersih selepas batuk atau bersin. Dalam erti kata lain, sikap cakna tentang masalah penyakit ini haruslah diberikan keutamaan. Natijahnya, kempen yang dijalankan secara efisien ini akan dapat menyedarkan orang ramai supaya sentiasa menjaga kebersihan diri. Kita tidak mahu bersikap seperti kata peribahasa *nasi sudah menjadi bubur* kerana hal ini akan menyebabkan masalah ini bertambah kronik. Oleh itu, kempen yang dijalankan ini sememangnya dapat menghalang wabak penyakit berjangkit daripada terus merebak.

Perenggan kesimpulan

Kesimpulannya, penyakit berjangkit merupakan penyakit yang berbahaya dan sukar untuk ditangani jika tidak diambil langkah bersepudau. Dalam hal ini, semua pihak bekerjasama *bagai aur dengan tebing* dengan pihak kerajaan bagi mengawal masalah ini daripada terus merebak. Pendek kata, negara kita akan terus menjadi tempat yang selamat untuk dilawati. Tegasnya, kesihatan rakyat yang akan menjadi penanda aras keharmonian sesebuah negara akan terus dipertahankan.

**"JOM SERTAI KELAS INTENSIF BERSAMA
KIBGIM SEBELUM 19/12/2020"**

Hubungi Kami :

011-15116270 / 019-2886270

TEKS UCAPAN YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD ALI KETUA MENTERI MELAKA SEMPENA BELANJAWAN TAHUN 2021 NEGERI MELAKA



Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

Saya dengan penuh takzim, berdiri di dalam Dewan yang mulia ini, memohon men-cadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Enakmen Perbekalan 2021 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang dari-pada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2021" dibaca bagi kali kedua.

Kepada Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Yang Berhormat Datuk Wira Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Tidak kira yang duduk di sebelah sini, se-muanya nampak tenang kali ini, berpadu se-pasukan, dalam keluarga besar 'jamaah' Perikatan Nasional. Sebagai tanda sepakat, saya pohon tepuk semangat dari yang 'sebelah sini'. Juga yang 'duduk di seberang sana', meskipun kita mungkin berbeza pandangan, tetapi boleh duduk bincang, sama-sama kita cari titik persamaan, demi kebaikan rakyat Melaka. *Thank you for your cooperation, I really appreciate it!*

Semestinya tidak dilupakan, semua pen-jawat awam, para frontliners dan seluruh rakyat negeri Melaka yang dikasihi, walau di mana jua anda berada.

Bermula dari hujung Kuala Linggi, hingga ke sempadan Johor di Sungai Rambai, hatta sampai ke puncak Gapis, Jasin, setinggi 480 meter, Gunung yang dikatakan tertinggi di Ne-geri Melaka.

Lalu diucapkan, Assalamualaikum Wa-rahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Mengamit Dunia.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

Hari ini, pagi Rabu nan indah, 9 Disember 2020, bersamaan 24 Rabiulakhir 1442 Hijriyah, bersyukur kepada Allah SWT kerana, selepas PKPB, saya dapat membentangkan Belanjawan Negeri Melaka bagi tahun 2021 di Dewan yang mulia ini.

Bagi memohon keberkatan Ilahi, saya pohon izin, Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Yang Berhormat Datuk Wira Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk memulakan ucapan Belanjan-wan ini.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

Sesungguhnya, Belanjawan Negeri yang dibentangkan buat kali pertama, selepas saya mengambil alih tumpuk kepimpinan sebagai Ketua Menteri Melaka ke-12, amatlah penting, bukan sahaja buat diri saya, Kerajaan Perikatan Nasional dan 'rakan kita di sebelah sana', bahkan buat seluruh rakyat di bumi bersejarah ini.

Khususnya, tatkala seluruh dunia, Malay-sia dan negeri Hang Tuah ini, sedang 'bertem-pur' dengan pandemik COVID-19, yang sedang menular di serata global.

Tambahan hari ini, genaplah 9 bulan, saya memimpin sebagai Ketua Menteri Melaka. La-zimnya, usia 9 bulan ini, suka atau tidak, 'you have to deliver'.

Menyebut tentang 'deliver' ini, khususnya dalam melahirkan keluarga atau rakyat baha-gia, seperti terkandung dalam slogan Melaka,

maka, saya umumkan, kepada ibu-ibu yang melahirkan bayi comel pada hari ini (9 Disember 2020), bermula dari jam 12.00 tengah malam tadi sampai pukul 11.59 tengah malam ini di Negeri Melaka, anak anda memang ber-tuah, kerana dipilih untuk menerima pem-berian khas daripada Kerajaan Melaka berjumlah RM150.

Yang lahir hari ini je dapat RM150. Kita akan salurkan melalui pembukaan Akaun SSPN-i. Bagi bayi anak Melaka yang lahir hari lain, kejap lagi saya umumkan. Sabar ye.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

Jika dikongsi sedikit apa yang telah kita lakukan antaranya, kita tamatkan 'catuan air ber-jadual' pada 1 April, kita beri insentif kepada frontliners di Melaka,... kita umumkan ban-tuan kepada golongan B40, asnaf dan fakir miskin.

Terkini, berbanding pada 8 Disember tahun lalu, kita berjaya meningkatkan paras air di kolam takungan di empangan Durian Tunggal daripada 44 peratus kepada 100 peratus. InsyaAllah, berkat doa semua, rezeki limpahan hujan kawasan tадahan tersebut, dijangka mampu bertahan paling kurang pun, sehingga September tahun 2021.

Kita tubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka untuk bincang solusi hal eko-nomi masyarakat, serta sekian banyak inisiatif, bagi meringankan beban rakyat.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

Menjunjung Demokrasi dan prinsip Raja Berperlembagaan, kami merafak sembah, Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah.

Keprihatinan Tuanku kepada pentadbiran dan perkembangan Islam, sebagai Ketua Agama negeri Melaka, pada hemat patik, Tuanku laksana bintang berkerlipan, menyinari rakyat, penyuluh kehidupan.

Didoakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, serta usrah diraja, diberi afiat, dalam lindungan Allah SWT, untuk memerintah dengan adil lagi sak-sama.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

Berkait itu juga, saya bersama perikatan kepimpinan dan rakyat Melaka, menzahirkan setinggi-tinggi tahniah, kepada Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, di atas pengurniaan Darjah Seri Paduka Setia Melaka, yakni, Darjah Tertinggi Negeri Melaka, membawa gelar Seri Setia pada 24 Ogos 2020 yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

Hati mengenang mulut menyebut, kepada Yang Amat Berbahagia, Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Yang Di-Pertua Negeri Melaka Ke-6 pula, setinggi terima kasih selayaknya diberikan, atas segala jasa, me-mayungi negeri Melaka sebelum ini.

Apapun, Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Yang Berhormat Datuk Wira Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sama ada 17 Yang Berhormat di sebelah sini, mahupun 11 Yang Berhormat 'rakan kita' di sebelah sana; meskipun adakalanya berbeza pandangan, Melaka adalah rumah kita bersama.

Justeru, marilah kita sama-sama ber-uaha, memberikan khidmat terbaik untuk ra-

kyat Melaka. Tahniah dan silalah beri tepuk ge-muruh, untuk kesemua 28 Ahli-ahli Yang Be-rrhormat Negeri Melaka!

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

PROSPEK EKONOMI MALAYSIA

Biarpun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi dunia, ekonomi Malaysia masih ber-daya tahan dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar atau KDNK sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2019, berbanding 4.8 peratus pada tahun sebelumnya.

Kemudian, tak semena-mena, COVID-19 pula menyerang seluruh dunia, termasuklah negara dan negeri kita. Ini memberi kesan buruk kepada sektor kesihatan dan ekonomi.

Akibatnya, terpaksa dilakukan lockdown, penjarakan sosial, hingga menyebabkan, eko-nomi dunia telah mengalami penguncupan yang teruk, di mana tempiasnya turut dirasai oleh negeri Melaka.

Buktinya, prestasi ekonomi Malaysia pada suku tahun ketiga 2020 menunjukkan, KDNK menguncup 2.7 peratus.

Dalam pada itu, Kerajaan Melaka men-zahirkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana bersetuju:

- Melanjutkan moratorium bersasar selama 3 bulan;
- Membenarkan pengeluaran Akaun 1 KWSP sehingga RM10,000;
- Memperuntukkan Melaka 150 juta ringgit, bagi Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus; dan
- Menyediakan peruntukan untuk memastikan ketersediaan tempat tumpuan pelancong.

Terima Kasih Kerajaan Persekutuan, Terima Kasih!

Kendati itu, kepada kawan-kawan kita daripada masyarakat India yang telah pun me-nyambut perayaan Deepavali, hampir 1 bulan lalu, masih belum terlambat untuk kita ucap-kan, 'Eniya Deepavali Nal Val-thu-kal'.

Begitu juga kepada mereka yang me-nyambut perayaan Krismas 25 Disember ini, diucapkan Selamat Hari Natal dan Selamat Tahun Baharu 2021.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

PROSPEK EKONOMI MELAKA

Tahun 2019, KDNK Melaka mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM43.6 bilion dan merekodkan pertumbuhan perlahan pada kadar 2.8 peratus, berbanding tahun 2018 pada kadar 3.9 peratus. Dari sudut pendapatan per kapita, Melaka mencatatkan sebanyak RM49,172, melebihi paras nasional sebanyak RM46,450.

Dari sudut sumbangan ekonomi, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi struktur ekonomi Melaka dengan masing-masing menyumbang sebanyak 48 peratus dan 38.4 peratus.

Sektor Pertanian pula menyumbang sebanyak 10.2 peratus, manakala sektor Pembinaan menyumbang 3.1 peratus, diikuti oleh sektor Perlombongan & Pengkuarian yang hanya memberikan sumbangan kecil iaitu 0.1 peratus kepada ekonomi negeri Melaka.

Indeks Harga Pengguna (IHP) di Melaka meningkat dengan kadar yang perlahan pada 0.1 peratus berbanding 0.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar penganggu-an di Melaka adalah pada kadar yang sama iaitu, 1.1 peratus pada tahun 2019.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

BELANJAWAN NEGERI MELAKA 2021

Belanjawan Negeri Melaka tahun 2021 merupakan bajet pemulihan ekonomi pasca COVID-19, yang mengutamakan kebajikan ra-yakat, dalam merancakkan pertumbuhan eko-nomi melalui inisiatif-inisiatif yang dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat Melaka.

Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk memulihkan prestasi kewangan, selain memberi fokus kepada langkah untuk mengawal defisit semasa, mengurangkan hutang dan meningkatkan rizab Kerajaan Negeri, me-nyelaraskan semula perbelanjaan yang sepa-tutnya ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan serta mengaktifkan penglibatan jalinan kerja-sama di antara Kerajaan dan pihak swasta.

Sebagai makluman Ahli-Ahli Yang Be-rrhormat, walaupun belum setahun memimpin, Alhamdulillah, Kerajaan Melaka telah mengur-angkan hutang kepada Kerajaan Persekutuan, daripada RM821.63 juta pada 2019, kepada RM643.24 juta pada tahun 2020, iaitu hampir 21.71 peratus, dengan kejayaan pengurangan hutang berjumlah RM178.39 juta!

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

Bagi meningkatkan kecemerlangan Kera-jaan Melaka, yang salah satu tonggaknya Kom-petensi, maka pada 2021, kita akan berusaha meneroka sumber hasil-hasil baharu seperti:

- **PERTAMA:** Mengkaji hasil baharu yang boleh diperolehi daripada hasil bumi, seperti nadir bumi, bahan batuan, mineral dan sebagainya;
- **KEDUA:** Mengkaji hasil laut di Melaka, seperti menjana hasil melalui aktiviti 'ship-to-ship transfer' atau pemindahan kapal untuk kargo cecair pukal, caj vesel bagi kapal-kapal persiaran, pajakan laut dan sebagainya;
- **KETIGA:** Menetapkan sumbangan minima dua peratus daripada pendapatan kasar, bagi setiap agensi dan anak milik Kera-jaan Negeri kepada Kerajaan Melaka;
- **KEEMPAT:** Memperhalusi dasar baharu Kerajaan Negeri, berhubung Caj Pengecualian Pembinaan Rumah Kos Rendah dimasukkan ke Tabung Perumahan Awam Kos Rendah;
- **KELIMA:** Hasil baharu dari pendapatan pelupusan tanah tambak laut, secara jualan dan pulangan tersebut dimasukkan dalam hasil Kerajaan Negeri;
- **KEENAM:** Mewujudkan Pihak Berkusa-Zon yang berfungsi dalam mengawal selia zon-zon industri Negeri Melaka; dan
- **KETUJUH:** Melipatgandakan usaha bagi memungut cukai-cukai tertunggak, sama ada cukai pintu mahu pun cukai tanah.

Selanjutnya, kepada semua ketua Jabatan Pemungut Hasil, yang berjaya mencapai KPI memungut hasil melebihi sasaran ditetapkan, *I promise to you*, Kerajaan Melaka akan me-nyediakan suatu insentif sebagai reward atas kecekapan Jabatan masing-masing.

Di sudut lain, kita ucapan terima kasih kepada semua agensi Melaka yang terlibat, ke-rajaan bertindak pantas menyelesaikan hal ban-jir kilat seperti, di Kilang Berapi, Tedong, Ayer Molek dan tidak sesekali kita lupukan,... Kam-pung Tehel di Bemban, Bukit Katil dan Durian Tunggal, juga Gadek, di Alor Gajah. Syabas diu-capkan kepada 'hero-hero' khususnya front-liners kita!

Sambungan di minggu hadapan

The Foresight on the Tanah Air

Ibrahim Yaacob writing against imperialism



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

IBRAHIM Yaacob's 1941 *Melihat Tanah Air* is a futurist document of the nation. To him, the Malay Archipelago's location then described as the east (dunia timur) holds the key to the Pacific Ocean and the world economy.

Ibrahim has managed to strategise and provide foresight for the Malays under colonial conditions before World War II. He repeatedly emphasized the significance of the Alam Melayu, especially Malaya to world power. *Melihat Tanah Air* is not a history book. It renders the past and the future as Ibrahim (1911-1979) saw it.

Ibrahim was an opponent of the British colonial government, and president and founder of the Kesatuan Melayu Muda (KMM) in 1938. Born in 1911, Temerloh, he joined the Sultan Idris Teachers' Training College (SITC) in 1929 and graduated two years later as a teacher. His Tanjung Malim experience gave him access to a range of European ideas and doctrines including that of anti-colonialism.

During the 1930s, he wrote a series of articles critical of the British to the Malay newspapers. Anti-colonial sentiments and movements across the Strait of Melaka sought him to reproduce it in Malaya. Indonesian periodicals such as *Fikiran Rakjat*, published in Bandung about 1928, inspired the man.



Nationalist and writer, popularly known as Pak Sako, whose name is Ishak Haji Muhammad, in his foreword to *Melihat Tanah Air* described that it was in Tanjung Malim that the seeds of national awareness (kesedaran nasional)

(homeland), not necessarily negara (country) and agama (religion). Concepts of race and ethnicity as legacies of British colonialism provides much insight on Ibrahim's worldview. His writings engender a transition from 'their' history to

year between 1940 through 1941.

The first was to mobilize the consciousness of the Malay race (mengerakkan kesedaran bangsa Melayu) to instill a sense of national unity (perpaduan bangsa) amongst the Malays in Peninsu-

IBRAHIM was an opponent of the British colonial government, and president and founder of the Kesatuan Melayu Muda (KMM) in 1938. Born in 1911, Temerloh, he joined the Sultan Idris Teachers' Training College (SITC) in 1929 and graduated two years later as a teacher. His Tanjung Malim experience gave him access to a range of European ideas and doctrines including that of anti-colonialism.

was imbued in Ibrahim. Ishak's Foreword evoked a consciousness against the 'white man' (orang kulit putih), as the cause of the downfall of the Bangsa Melayu.

The mood of the times in the 1920s and 1930s was consciousness and loyalty to kaum (people/family/group), bangsa (race) and watan or tanah air

'our' history. In Ibrahim, we see a product of Colonial education, reconstructing Malay nationhood.

Ibrahim was well aware of the role of newspapers. Ibrahim served as one of the editors of Majlis, one of the few prominent Malay metropolitan newspapers based in Kuala Lumpur in 1938, the same year he formed KMM. Ibrahim became the editor of Majlis at about November 1939 and continued there until late in 1941.

KMM's dream was for a Melayu-Raya (Greater Malaya). He pioneered a broader geo-cultural entity. The Malay-Archipelago, or the Malay-Nusantara rantau – in his vision as a polity, is where her future lies.

A reprint in rumi of *Melihat Tanah Air* was issued by Percetakan Timur in Kuantan in 1975. He was 31 years old when *Melihat Tanah Air* first appeared. Ibrahim travelled throughout the peninsula. He provided two reasons behind his travels throughout the Malay peninsula for one

lar Malaya. His efforts were in his capacity as the president of the Young Malays Union - Kesatuan Melayu Muda (KMM).

The second reason stated was to research on Malay economic life and affairs which according to him was "extremely neglected by the English colonialists" (Untuk menyiasat hal ehwal kehidupan iktisad [ekonomi] orang Melayu seluruhnya yang terbiar terlantar oleh penjajah Inggeris...). Ibrahim was aware that his destiny was the prison. He noted that the second part of the manuscript was confiscated by the police when they arrested him.

In his travels, he refuted the lazy native myth, of which 30 years later was to be articulated by scholar and public intellectual Professor Syed Hussein Alatas. Ibrahim's rationality is that of the European Enlightenment. He purveyed foreign ideas, at the same time regretting the Western and capitalist intrusion into "the pristine world of the Malays."

It is obvious that bangsa consciousness dominates Ibrahim's writings. He addressed the first chapter as "My People: Peninsular Sons of the Soil" (Orang-orang Saya Bumi Putera Semenanjung). It evokes his emotional resonance on nation and identity. Ibrahim was indeed creating a single ethnicity of the Malays; not wanting to see conditions leading to fragmentation (he used the term ber-cempera), without direction, or a national belief. He also spoke of national rights (hak kewatanan). His kewatanan conveys the notion of "national", and of "homeland" (tanah air), concepts worth investing for the future.

The pride of race in Ibrahim saw the spread of European ideas of the "Fatherland", strongly echoing the patrie in Montesquieu and Rousseau, thus connecting the Malay thinking on bangsa, tanah air and merdeka, to that of Europe. European ideas, mainly through Indonesia, and Singapura, have attracted him to carve a nation, to liberate his bangsa from colonial geography, and eventually forming a pan-Malay state.

NEXT WEEK:
The many shades of the Ferringhi

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



Ketukan pintu terhenti oleh ayat suci al-Quran

Din Ahmad

AYER LIMAU - Ketukan pintu yang kuat dan bertalu-talu di rumah seorang lelaki warga emas bekas Imam di Kampung Paya Rumput, di sini terhenti apabila lelaki itu membaca beberapa surah al-Quran.

Surah al-Quran yang khusus untuk menjauhkan gangguan jin dan syaitan yang dibaca oleh Said Hassan berjaya menghentikan ketukan kuat pada pintu kediamannya.

Beliau terpaksa membaca surah berkenaan selepas mendapati pintu hadapan kediamannya di Kampung Paya Rumput, Masjid Tanah diketuk dari luar dengan kuat seolah-olah ingin menyebabkan pintu kayu itu tertanggal dari pada engsel.

Said, 74, berkata dalam kejadian jam 3 pagi semalam itu beliau dan isteri, Maimunah Hashim, 65, serta seorang anak perempuan be-

rusia 24 tahun sedang tidur dan dikejutkan dengan bunyi ketukan kuat pada pintu.

"Saya hairan kerana tidak pernah pintu rumah diketuk pada jam 3 pagi sebelum ini dan kalau benarlah anak lelaki saya balik dari Johor, sudah tentulah dia akan telefon saya terlebih dahulu."

"Saya baca surah yang boleh menghindari gangguan jin dan syaitan semasa berjalan ke muka pintu dan memohon Allah melindungi saya serta keluarga daripada bahaya," katanya ketika ditemui di kediamannya pada 6 Disember lepas.

Pesara kerajaan itu berkata, sejurus membaca surah berkenaan, bunyi ketukan itu tiba-tiba terhenti dan beliau menggagahkan diri untuk membuka suis lampu anjung rumah tetapi tetap dalam keadaan berjaga-jaga dengan tidak berdiri terlalu rapat dengan daun pintu yang ingin dibuka.

Katanya, beliau teringat pesanan orang tua-tua supaya tidak berdiri terlalu hampir dengan muka pintu jika membukanya pada waktu malam atau dinihari bagi mengelakkan perkara tidak diingini.

"Pesan orang tua-tua, kita harus bimbang jika orang di luar tiba-tiba menyerang kita dengan senjata tajam dan kalau kita sudah beringat, insya-Allah kita boleh mengelak daripada bahaya kena serang," katanya.

Said berkata, sejurus selepas daun pintu dibuka, beliau dan isteri kehairanan kerana tiada sesiapa berada di luar dan sapaan Said kepada jika ada sesiapa di luar, tidak disahut.

"Alhamdulillah, Allah menjauhkan kami sekeluarga daripada bahaya... kita hidup di dunia ini bukan makhluk manusia sahaja, ada makhluk Allah yang lain turut menumpang alam ciptaan-Nya," katanya.

Bagaimanapun beliau enggan



SAID memperkenalkan bagaimana pintu luar bahagian hadapan kediamannya diketuk pada awal pagi di Kampung Paya Rumput, Masjid Tanah.

menjelaskan surah berkenaan.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Paya Rumput, Azaman Abu Hassan berkata, anak kariah kampung itu sudah membaca surah Yassin bermula ramai pada malam Jumaat lalu selepas beberapa kediaman penduduk diganggu ketukan yang sama pada awal pagi Khamis lalu.

Beliau yang juga Timbalan Pengurus Jawatankuasa Masjid Tok Janggut berkata, majlis bacaan surah Yassin memang diadakan pada setiap malam Jumaat dan bukan hanya jika ada gangguan ketukan pintu seumpama itu.

"Alhamdulillah setakat ini kampung kami aman dan damai dan kami berdoa agar Allah memelihara kami daripada bahaya," katanya.

"Tiada sesiapa di luar, tubuh saya menggigil" - Mohd Amin



MOHD Amin menunjukkan pintu kediamannya diketuk dengan kuat dari luar di Kampung Londang, Masjid Tanah.

TANJUNG BIDARA - "Saya hairan siapa yang mengetuk pintu rumah pada jam 3.30 pagi tadi dan saya membenarkan diri untuk meninjau melalui tingkap.

"Bagaimanapun, tiada sesiapa di luar dan tiba-tiba badan saya menggigil ketakutan apabila terfikir mungkin ada makhluk halus mencuba mengganggu keluarga saya," kata Mohd Amin Kassim, 32.

Peniaga dadih itu berkata, dalam kejadian awal pagi itu, beliau masih belum tidur kerana asyik bermain video dalam telefon bimbit manakala isteri, Holimatus Holi, 28, sudah masuk tidur bersama-sama empat anak berusia antara dua hingga 10 tahun.

Sedang asyik bermain, tiba-tiba beliau terdengar ketukan pintu hadapan yang kuat hingga menyebabkan daun pintu bergegar, katanya.

Beliau memberanikan diri untuk membuka tingkap dan meninjau keadaan di luar tetapi tetap berhati-hati bagi mengelak kejadian tidak diingini.

"Saya memberanikan diri membuka tingkap tetapi tidak nampak sesiapa pun di luar dan dalam sekilip mata tubuh saya menggigil ketakutan kerana terlintas di fikiran saya ada tetamu tidak diundang mencuba mengganggu kami," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Londang, di sini baru-baru ini.

Mohd Amin berkata, se-

baik sahaja dia menutup tingkap, ketukan itu terhenti dan dia menunggu kira-kira lima minit berhampiran tingkap untuk segera meninjau jika ada sesiapa yang mencuba mengetuk pintu lagi diperdayai untuk mengganggu keluarganya.

Bagaimanapun, tiada ketukan susulan yang kedengaran dan sekali lagi beliau meninjau keadaan di luar sebelum mendapati keadaan yang sama.

Katanya, dalam keadaan menggigil ketakutan, dia memastikan selak pintu tidak terbuka sebelum masuk ke dalam bilik.

Bagaimanapun, kejadian itu tidak dimaklumkan kepada

isterinya, sebaliknya didiamkan sebelum mengambil keputusan menceritakannya kepada isterinya.

Holimatus berkata, dia tidak mendengar sebarang bunyi kerana tidur dalam keadaan keletihan selepas menjaja dadih, sagu dan jelai kelapa yang dihasilkan sendiri di pantai peranginan Pengkalan Balak.

"Setiap petang saya menjaja barang makan itu dengan berjalan di sepanjang pantai yang dipenuhi pengunjung dan selepas pulang, saya keletihan," katanya.

Bagaimanapun, dia bersyukur kerana suaminya tidak mengalami kejadian tidak diingini ketika meninjau dari celah tingkap.

Sembilan kali jadi 'mangsa tegar' banjir akhirnya diberi perhatian

Faiz Hassan

DURIAN TUNGGAL - "Alhamdulillah, selepas sembilan kali jadi 'mangsa tegar' banjir akhirnya dipandang oleh semua pihak bagi mengatasi masalah yang melanda sejak tahun 2016," kata Pengetua Madrasah Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Ainussukriah, Muhammad Sufian Ahmad Shukri selepas menerima kunjungan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali, di sini pada 6 Disember lepas.

Menurut Muhammad Sufian, dilema terbabit sering dihadapi madrasah tersebut tiap kali musim banjir melanda malah kadangkala membuatkan kawasan terbabit dinaiki air

separas dada akibat pengairan sungai yang tidak sempurna di kawasan terbabit.

Jelasnya, akibat banjir yang melanda berpunca dari sungai yang terletak kira-kira 300 meter dari madrasahnya mengakibatkan pihaknya mengalami kerugian hampir RM50,000.

"Kami rasa begitu hiba apabila ketika kawasan ini digenangi air dan telah mengakibatkan pelbagai barang yang rosak dan hilang akibat dihanyut air termasuk peti ais, gas memasak serta pelbagai lagi.

"Bencana tersebut berlaku sebanyak sembilan kali selepas kami berpindah di sini pada 2016 dan hasil

bantuan penduduk kampung kami berjaya menyelamatkan barang yang sempat dialihkan dan dari itu kerugian semakin menurun disebabkan berjaya dialihkan hasil inisiatif orang ramai.

"Tiap kali musim hujan melanda, kami akan bersiap siaga dengan apa yang akan berlaku dan mujur keadaan banjir yang berlaku baru-baru ini air yang dinaiki hanya separas betis sahaja bagaimanapun barang penting yang lain kami sempat selamatkan.

"Apa pun kami tetap bersyukur dan berterima kasih dengan pemimpin yang berjiwa rakyat yang mahu segerakan perkara ni diselesaikan menerusi kerjasama pelbagai agensi termasuk Jabatan Pengairan dan Sal-

ran (JPS) bagi menilai semula struktur keadaan sungai yang berdekatan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Terdahulu, Sulaiman yang mengunjungi lokasi terbabit berkata, pihaknya telah mengarahkan agensi terutama JPS bagi mengatasi masalah terbabit supaya mengkaji secara lebih mendalam terhadap projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang akan dibina di Alor Gajah.

Katanya, agensi terbabit perlu mnenilai kepentingan dengan kajian terperinci di kawasan itu terhadap perancangan selanjutnya berikutnya peruntukan RM40 juta disalurkan bagi mengatasi isu banjir di daerah berkenaan.

"Mereka perlu melakukan kajian terperinci dan adakah peruntukan terbabit mampu mengatasi masalah penduduk di kawasan ini terutama mereka yang mendiami di sekitar kawasan sungai, malah perkara ini perlu dinilai agar ia dapat dimanfaatkan secara menyeluruh."

"JPS perlu mengambil kira pandangan dari pelbagai pihak berkepentingan dan jika RTB ini dibina ia mampu memberi keselesaan rakyat di kawasan ini terutama pada pihak sekolah agar bencana ini tidak lagi melanda," katanya pada lawatan ke madrasah tersebut yang menempatkan kira-kira 100 pelajar dan 12 tenaga pengajar itu.

Duyong dan Hang Tuah berpisah tiada

DUYONG yang terletak sekitar 13 km dari Plaza Tol Ayer Keroh merupakan salah satu mukim yang terletak dalam daerah Melaka Tengah.

Di sini terletaknya Kampung Duyong yang dikatakan pahlawan Melayu, Hang Tuah telah dilahirkan.

Menurut rekod sejarah bapa beliau bernama Hang Mahmud manakala ibunya pula ialah Dang Merdu Wati.

Sehubungan itu sudah semestinya tarikan pelancongan di kawasan ini mempunyai kaitan rapat dengan Hang Tuah.

PERIGI HANG TUAH

Terdapat beberapa versi cerita bagaimana Perigi Hang Tuah itu wujud di Kampung Duyong.

Ada yang berpendapat bahawa perigi itu digali oleh Hang Tuah untuk kegunaan sehariannya ketika disembunyikan di kawasan bukit berhampiran selepas dijatuhi hukuman bunuh oleh Sultan Melaka.

Menurut cerita yang lain pula, perigi itu adalah kesan hentakan kaki Hang Tuah ketika beliau ingin bersolat di kampung tersebut.

Kesan hentakan yang menghasilkan mata air yang

nih itu dikatakan menjadi semakin besar dan membentuk perigi berkenaan.

Sesetengah pengunjung mempercayai air perigi tersebut suci dan mampu menyembuhkan pelbagai penyakit selain ia turut dijadikan tempat untuk membayar niat.

Namun sebagai seorang Islam, seharusnya kita memahami batas-batas yang telah ditetapkan agama berhubung kepercayaan-kepercayaan yang sedemikian.

Mengikut maklumat tidak rasmi, kedalam perigi Hang Tuah dikatakan 1.8 meter.

Perigi itu dikatakan tidak pernah kering walaupun ketika Melaka dilanda musim kemarau yang berpanjangan.

Perigi Hang Tuah telah diwartakan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

PERKAMPUNGAN HANG TUAH

Menurut Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Perkampungan Hang Tuah di Kampung Duyong dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2013 sebagai satu inisiatif untuk mengangkat kampung tersebut sebagai tempat kelahiran Hang Tuah sepetimana terdapat dalam catatan sejarah.

Terdapat beberapa elemen dalam pembangunan perkampungan tersebut meliputi Muzium Hang Tuah serta rumah lima pembesar iaitu rumah Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu yang terletak di dalam satu komponen iaitu Hang Tuah Centre (HTC).

Di dalam HTC turut mempunyai beberapa gelanggang silat selain gelanggang kuda berdekatannya.

Perkampungan tersebut juga mempunyai beberapa tarikan lain seperti rumah-rumah Melayu tradisional, Balai Adat dan Pusat Tenun Melaka di mana program-program berkaitan seni dan budaya sering diadakan.

MASJID JAMEK LAKSAMANA HANG TUAH

Dahulu nama masjid ini ialah Masjid Jamek Kampung Duyong sebelum namanya ditukar kepada Masjid Jamek Laksamana Hang Tuah.

Walaupun namanya ditukar kepada nama sekarang, masjid ini bukan

dibina oleh Hang Tuah dan tiada kaitan dengan pahlawan Melayu Melaka itu.

Masjid ini telah siap dalam tahun 1850 untuk digunakan oleh penduduk Kampung Duyong manakala menara bersebelahan telah dibina pada 1909 sebagai tempat meluangkan azan.

DUYONG DAN LEGASI HANG TUAH BERPISAH TIADA

Sesungguhnya Duyong penuh dengan sentimen sejarahnya terutamanya apabila melibatkan legasi Laksamana Hang Tuah. Sama ada kisahnya adalah berdasarkan mitos atau kebenaran, hakikatnya inilah legasi yang perlu kita jaga sebagai antara warisan sejarah wajib untuk kita kaji.

Beruntungnya orang Melaka kerana kisah lagenda laksamana ulung Nusantara, amat berkait rapat dengan negeri bersejarah ini.

Disebabkan itulah, tidak salah untuk kita umpamakan, 'Duyong dan Hang Tuah berpisah tiada'.



Pilihan tempat 'hiking' di Melaka

MELAKA ada tempat hiking? Jawapannya ya, Melaka ada beberapa lokasi untuk hiking yang boleh diterokai para peminat aktiviti 'outdoor'.

Bagi penggemar aktiviti hiking, lokasi yang bakal disebut nanti adalah amat sinonim buat mereka, namun bagi mereka yang ingin berjinak dalam aktiviti ini, kami senaraikan beberapa kawasan hiking di Melaka yang perlu anda tahu.

BUKIT BERUANG

Terletak berhampiran Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Beruang di Ayer Keroh. Menurut mereka yang pernah mendakinya, ia menawarkan pemandangan Bandaraya Melaka yang cantik dan mendamaikan. Asalnya adalah kawasan yang menempatkan menara

telekomunikasi dan menjadi tempat riadah penduduk setempat dan pelajar universiti berhampiran. Dengan kemajuan teknologi dan kuasa tular (viral), Bukit Beruang kini semakin dikenali dikalangan kaki daki termasuk dari luar Melaka.

TAMAN EKO-RIMBA BUKIT BATU LEBAH

Terletak sekitar 17 kilometer (km) dari Pekan Jasin dan 28 km dari Bandaraya Melaka. Selain aktiviti mendaki, kawasan ini juga mempunyai gua yang menawarkan aktiviti penerokaan gua kepada yang berminat. Sila layari laman Facebook ECOBBL untuk maklumat lanjut.

HUTAN REKREASI TANJUNG TUAN

Terletak berhampiran Port Dickson, Ne-

geri Sembilan namun kawasan ini terletak di dalam kawasan jajahan Melaka. Pendakian menuju ke Rumah Api di kawasan ini sudah cukup mencabar sekiranya stamina anda bertaraf amatur. Pengunjung juga boleh memilih untuk mendaki Bukit Batu Putih yang terletak di dalam kawasan rekreasi tersebut.

TAMAN NEGERI MELAKA BUKIT SEDANAN

Mungkin ramai yang tidak mengetahui kewujudan taman negeri ini yang terletak 28 km dari Bandaraya Melaka dengan keluasan 273.5 hektar. Terdapat pelbagai aktiviti yang ditawarkan di sini termasuk cabaran mendaki untuk sampai ke puncak Bukit Sedanan. Sila layari laman sesawang www.ecotrekz.com andai berminat.



LALUAN masuk ke Taman Eko-Rimba Bukit Batu Lebah.



PEMANDANGAN dari puncak Bukit Beruang.



BANCI MALAYSIA

“Data Anda Masa Depan Kita”



Dalam Talian
 Bersemuka



Scan QR Code
Untuk Jawab Banci



www.mycensus.gov.my



@MyCensus2020
@StatsMalaysia

1800 88 7720

Hari Natal

Dataran Pahlawan Melaka Megamall tawar pelbagai hadiah menarik

PERAYAAN Hari Natal yang bakal tiba tidak lama lagi sememangnya amat dinantikan oleh mereka yang menganut agama Kristian dan pihak Dataran Pahlawan Melaka Megamall tidak ketinggalan untuk berkongsi kemeriahan perayaan tersebut dengan pelbagai aktiviti.

Dataran Pahlawan Melaka Megamall turut menawarkan pelbagai hadiah istimewa buat pengunjung sempena sambutan akhir tahun bersama dengan Hari Natal dari 1 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021.

Atas tanggungjawab sosial korporat (CSR), pihak Dataran Pahlawan Melaka Megamall bekerjasama dengan SWCorp bagi program 'Trash It Right' yang akan diadakan pada 5,12 dan 19 Disember 2020 dan program tersebut akan bermula dari jam 2 petang hingga 4 petang, bertempat di West Concourse, Dataran Pahlawan Melaka Megamall.

Program itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengurusan sisa pepejal.

Orang ramai yang hadir, hanya perlu membawa dua beg penuh berisi barang kitar semula dan baucar eksklusif menanti mereka yang bertuah.

Selain itu, aktiviti cabutan bertuah turut akan diadakan oleh pihak Dataran Pahlawan Melaka Megamall yang mana anda hanya perlu membelanjakan sebanyak

RM100 ke atas dalam kombinasi dua resit, anda layak untuk menyertai aktiviti tersebut.

Jangan lepaskan peluang ini kerana anda mungkin akan memenangi simpanan tunai bernilai RM 1,000, jersi berjenama New Balance yang ditandatangani secara eksklusif oleh pemain lagenda Liverpool, Michael Owen dan jam tangan pintar Xiaomi Band 4. Semakin tinggi jumlah anda berbelanja, semakin tinggi peluang anda untuk menjadi pemenang bertuah.

Sambil membeli-belah, jangan lupa untuk mencari 'rusa emas' yang terletak di sekitar pusat membeli-belah Dataran Pahlawan Melaka Megamall. Anda boleh bergambar secara kreatif bersama rusa tersebut dan orang ramai dijemput untuk serta peraduan 'Reindeer & Me Selfie' dan anda berpeluang memenangi hadiah berupa wang tunai.

Gambar yang paling disukai di laman media sosial akan memenangi hadiah wang tunai RM300 manakala pemenang di tempat kedua dan ketiga masing-masing akan membawa pulang RM200 dan RM100.

Pada masa yang sama, 30 pengundi bertuah juga akan berpeluang untuk memenangi baucar tunai yang menarik. Untuk maklumat lebih lanjut, anda boleh ke laman media sosial @dataranpahlawan.

Keceriaan sambutan Hari Natal dite-

ruskan dengan 'Christmas Bingo' dan 'Hunting Reindeer' di Dataran Pahlawan Melaka Megamall. Pra-pendaftaran akan dibuka pada 1 Disember 2020 melalui pautan <https://forms.gle/XQk4tSjdbQnaPNX69>.

Nikmati pelbagai hadiah menarik seperti penginapan 2 hari 1 malam di Hatten Hotel yang terletak di tengah-tengah tapak warisan UNESCO Melaka. Selain itu juga, terdapat hadiah-hadiah lain yang menanti anda pada sepanjang sambutan Hari Natal di Dataran Pahlawan Melaka Megamall.

Sambutan Hari Natal juga dimeriahkan dengan persembahan menarik dan aktiviti 'Santa Meet & Greet' yang akan berlangsung pada 6,13,20 dan 26 Disember 2020 bermula jam 2 petang hingga 4 petang.

Untuk maklumat lanjut mengenai program 'Sparkling Christmas Celebration' anjuran Dataran Pahlawan Melaka Megamall, anda boleh terus ke laman sesawang www.dataranpahlawan.com atau ikuti laman media sosial @dataranpahlawan untuk lebih banyak informasi, tawaran dan promosi istimewa.

Dataran Pahlawan Melaka Megamall dibuka pada setiap hari dari 11.00 pagi hingga 9.00 malam. Untuk pertanyaan lebih lanjut, sila hubungi 06-2815153 atau hantar ke laman media sosial @dataranpahlawan. Keceriaan sambutan Hari Natal dite-



**RESIDENSI
Bukit Katil**

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
06 - 286 5120
Isrin hingga Jumaat (9:00 pagi - 5:00 petang)
E-mel: wiramagr@gmail.com

Kemudahan


-
-
-
-
-
-

Pelan Lantai

Jenis A (Tengah) : 1,000 sqm (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A2 (Hujung) : 1,000 sqm (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)
Jenis A1 (Tengah) : 1,000 sqm (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A3 (Hujung) : 1,000 sqm (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)

TYPE B1
3 Bedrooms
2 Bathrooms
1,000 sq.m

TYPE C1
3 Bedrooms
2 Bathrooms
1,000 sq.m



NIKMATI GAYA HIDUP LENGKAP DAN KONDUSIF SERTA PERSEKITARAN LESTARI

Residensi @ BUKIT KATIL merupakan sebuah nadi pembangunan baru di Bukit Katil, Melaka yang dilengkapi pelbagai fasiliti serba moden dalam persekitaran kondusif dan terletak di lokasi yang strategik. Residensi ini juga behampiran pelbagai prasarana membangun seperti sekolah, hospital dan pusat komersial.

Melaka Bekal intai peluang perluas khidmat di kawasan laut

Liana Sahabudin

MELAKA Bekal Sdn Bhd (MBSB) diberi hak eksklusif melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi menguruskan permit pengeluaran bahan batuan dan pasir milik tanah persendirian di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Fairul Nizam Roslan berkata, dengan adanya MBSB setiap pengeluaran bahan-bahan itu tidak akan berlaku sebarang ketirisan.

"Sebelum ini kuari-kuari berurusan dengan pejabat tanah, bila MBSB ada semua permit dalam negeri atas tanah persendirian atau hak milik sendiri bagi pengeluaran bahan adalah milik MBSB."

"Bila MBSB wujud kita dapat mengurangkan ketirisan sekali gus menjana lebih keuntungan," katanya kepada MHI, baru-baru ini.

LANTIK PEMANTAU DI KAWASAN KUARI

Jelasnya, MBSB pada masa yang sama melantik anggota pencatit pengeluaran di kuari (PPK) untuk memantau pengeluaran di kuari.



FAIRUL Nizam bergambar bersama kakitangan MBSB.

"Kita letakkan seorang anggota kita dekat sana untuk catat berapa banyak pengeluaran, dari situ kita dapat menaikkan hasil lagi."

"Mungkin selepas ini kita akan guna kaedah lain di dalam kajian kita untuk menambah lagi hasil bumi di Melaka."

"Melaka Bekal ada bahagian permit penguatkuasa untuk pantau dan catat pengeluaran di kuari, kemudian la-

poran itu akan dihantar ke pejabat untuk dibuat perbandingan," jelasnya.

PENINGKATAN HASIL SETIAP TAHUN

Fairul berkata, sehingga hari ini MBMB menunjukkan peningkatan hasil lima hingga lapan peratus setiap tahun bergantung kepada pembangunan di negeri ini.

"Dari segi pendapatan kita semakin hari semakin

meningkat, setiap tahun ada peningkatan lima hingga lapan peratus.

"Tetapi ia bergantung kepada pembangunan, kalau ada pembangunan rancak, bahan-bahan kita bekalkan ini akan meningkat," katanya.

INTAI PELUANG LEBIH CERAH

Katanya, selepas kerajaan negeri mengumumkan bagi pembangunan koridor ekonomi baharu di negeri ini, ia

bakal memberi peluang besar buat MBSB.

"Kita dengar kerajaan negeri akan bangun koridor laut, jadi kita nampak peluang Melaka Bekal lebih cerah sebab bila ada penambahan kemajuan di tepi laut, ia gunakan banyak bahan batuan."

"Kalau syarikat lain yang bekal, royalti tetap akan dibayar, dekat situ akan ada peningkatan royalti dan hasilnya memberi keuntungan kepada



FAIRUL Nizam

pejabat tanah dan anak syarikat.

"MBSB juga dalam usaha memperluaskan perniagaan di kawasan laut, bila koridor baharu itu dilaksanakan sudah pasti servis MBSB lebih besar," katanya lagi.

Katanya, walaupun terdapat banyak saingan, namun MBSB perlu menggunakan kecekapan yang ada untuk merebut peluang yang ada.

"Kita kena rebut peluang, kita memang ada saingan banyak yang inginkan, jadi kita kena gunakan kecekapan kita bagaimana nak dapatkannya," tambahnya.

Duti eksais rokok elektronik, cecair vape mulai 1 Januari 2021

PUTRAJAYA - Duti eksais bagi peranti rokok elektronik, peranti rokok bukan elektronik dan cecair atau gel rokok elektronik termasuk tanpa nikotin, dikenakan semasa pengimportan dan pelepasan dari-pada pengilang tempatan yang berkuat kuasa mulai 1 Januari depan.

Ketua Pengarah Kastam Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata peranti rokok elektronik dan peranti rokok bukan elektronik akan dikenakan duti eksais pada kadar 'ad valorem' 10 peratus manakala cecair/gel rokok elektronik dan cecair/gel vape yang tidak bernikotin pada kadar 40 sen bagi setiap mililiter (ml).

Dalam satu kenyataan hari ini, beliau berkata pengilang tempatan juga perlu dileksenkan di bawah Seksyen 20 Akta Eksais 1976 dengan bayaran lesen sebanyak RM4,800 setahun manakala bayaran lesen gudang di bawah Seksyen 25 Akta Eksais 1976 adalah sebanyak RM2,400 setahun.

"Pengilang-pengilang tempatan hendaklah membuat permohonan lesen di Jabatan

Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon/Negeri di mana lokasi premis kilang/gudang sebelum 15 Disember 2020," katanya.

Menurut Abdul Latif, antara dokumen yang diperlukan ialah surat permohonan lesen eksais, borang JKDM No. 1, sijil pendaftaran perniagaan atau syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pihak berkuasa tempatan untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut diperlukan adalah dokumen senarai bahan mentah, senarai barang siap, carta alir proses

pengilangan, kapasiti pengeluaran setahun dan pengakuan mengenai kandungan nikotin dalam cecair atau gel rokok elektronik.

"Pemegang lesen dikehendaki mematuhi syarat-syarat perlesenan dan mengemukakan jaminan bank untuk menjamin keselamatan hasil duti atau cukai," katanya.

Beliau berkata bagi maklumat lanjut, pengilang boleh merujuk soalan-soalan lazim mengenai perkara itu di <http://www.customs.gov.my/ms/pages/utama.aspx>. - BERNAMA



Peniaga, penjaja kecil sambut baik Belanjawan Melaka 2021

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Pelbagai insentif dan inisiatif yang diumumkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali dalam pembentangan Belanjawan Melaka 2021 disifatkan sebagai khabar gembira buat peniaga dan penjaja kecil.

Seorang peniaga makanan, Shazzuan Shah Mohd Salleh, 33, mengakui insentif yang diumumkan itu seakan memberi sinar baharu buat golongan peniaga sepertinya, apalah lagi tatkala negara masih berperang dengan pandemik COVID-19.

Ujarnya, pengumuman dana Bantuan Kasih Niaga berjumlah RM1 juta diyakini dapat membantu menggalakkan lagi orang ramai menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Selain itu, katanya, pengurangan 50 peratus bayaran lesen kepada 10,715 penjaja dan peniaga



SHAZZUAN Shah

kecil di negeri ini pada tahun hadapan juga memberi nafas buat mereka meneruskan kelangsungan hidup.

"Sebagai peniaga kecil, kami sangat berterima kasih dengan insentif serta inisiatif yang dilaksanakan untuk membantu kami."

"Saya percaya semua bentuk bantuan itu sedikit sebanyak dapat membantu golongan peniaga dan penjaja dalam tempoh jangka masa pendek dan panjang untuk terus bertahan dalam situasi sekarang," katanya.

Bapa kepada seorang anak itu turut menyambut baik inisiatif 'Melaka Bebas Berniaga 2021' yang turut diumumkan Ketua Menteri dalam pembentangan itu.

Ujarnya, inisiatif berkenaan diyakini dapat membantu rakyat yang sedang tertekan dalam situasi COVID-19, selain turut membantu meringankan beban kewangan mereka yang terlibat.



MUFC umum kejutan 20 Disember ini

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MELAKA United FC (MUFC) akan mengumumkan kejutan senarai pemain-pemainnya pada 20 Disember depan.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Pegawai Eksekutif MUFC Sdn Bhd Datuk Mohd Saiful Mat Sapri ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Jelasnya, senarai pemain baharu dan pemain yang akan dikenakan itu hanya akan diumumkan selepas Mesyuarat Kongres Persatuan Bola Sepak Melaka United (MUSA) yang akan dilangsungkan di Hotel Hatten, pada hari yang sama.

"Berkenaan soal pemain, setakat ini persiapan kita adalah sekitar 70

peratus. Buat masa ini kita masih mengadakan perbincangan dengan beberapa pemain, termasuk seorang penyerang tempatan yang kita pernah maklumkan sebelum ini.

"Kita harap ia boleh diselesaikan dan kita dapat umumkan pada 20 Disember nanti, bukan sahaja senarai pemain tetapi juga bajet pasukan secara keseluruhan," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Saiful berkata, pihaknya akan kekal menggunakan lima pemain import pada musim depan, meski pun berdepan bajet yang terhad.

"Buat masa sekarang, kita masih menilai sama ada akan kekal pemain import lama atau akan membuat pertukaran pemain import baharu.

"Tetapi kita mungkin akan kekalkan lima pemain import kerana walaupun ada kekangan dari segi bajet, kita mahu berusaha untuk memastikan pasukan ini (MUFC) menjadi antara pasukan yang digeruni pada musim hadapan," katanya lagi.

Sebelum ini, MUFC mengumumkan nama Mohd Saiful sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya yang baharu selepas pasukan berkenaan diswastaan bagi menghadapi saingan Liga Malaysia musim 2021.

Selain itu, Zainal Abidin Hassan turut dikenakan pihak pengurusan untuk menjawat jawatan Ketua Jurulatih bagi musim ketiga berturut-turut, meskipun sebelum ini timbul ura-ura namanya bakal digugurkan.



MOHD Saiful (KREDIT FOTO: MUSA)



BAM masih menunggu pengesahan daripada BWF mengenai pemain negara yang layak beraksi di Terbuka Thailand Yonex dari 12 hingga 17 Jan serta Terbuka Thailand Toyota dari 19 hingga 24 Jan. Foto Sumber Facebook Badminton Association of Malaysia

BAM hantar senarai awal untuk dua kejohanan Jelajah Asia

PERSATUAN Badminton Malaysia (BAM) telah menghantar senarai awal 24 pemain yang akan bertanding dalam dua kejohanan Jelajah Asia di Bangkok, Januari depan.

Menurut Pengarah Kejurulatihan BAM Wong Choong Hann, persatuan itu masih menunggu pengesahan daripada Persekutuan Badminton Dunia (BWF) mengenai pemain negara yang layak beraksi di Terbuka Thailand Yonex dari 12 hingga 17 Jan serta Terbuka Thailand Toyota dari 19 hingga 24 Jan.

Kedua-dua kejohanan tersebut masing-masing menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah US\$1 juta (RM4.062 juta).

"Kami tidak tahu berapa banyak pemain yang layak bertanding dalam kejohanan ini kerana BWF perlu mengesahkan sama ada pemain itu layak bermain atau tidak berdasarkan kedudukan terkini ranking dunia mereka,"



WONG Choong Hann

katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Sementara itu, Choong Hann yakin terdapat beberapa pemain kebangsaan layak untuk beraksi dalam kejohanan terakhir musim ini iaitu Final Jelajah Dunia BWF 2020 yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah US\$1.5 juta (RM6.092 juta).

Kejohanan itu dijadual di Bangkok bermula 27 hingga 31 Januari depan.

Hanya lapan pemain terbaik dalam semua lima kategori pada carta kedudukan 'Road to Bangkok' layak untuk bertanding dalam kejohanan itu.

"Saya rasa kita mempunyai peluang untuk layak dalam acara perseorangan dan beregu lelaki serta beregu campuran berdasarkan prestasi terkini mereka," tambah Choong Hann. BERNAMA

Shahrul Nizam sarung jersi TFC musim depan

SHAHRUL Nizam Ros Hasni baru-baru ini menjadi pemain kedua diumumkan bakal bersama Terengganu FC (TFC), bagi mengharungi cabaran Liga Malaysia (Liga M) musim depan.

TFC dalam kenyataan baru-baru ini berkata khidmat pemain pertahanan berumur 22 tahun yang sebelum ini menyuarung jersi Kelantan FC itu, akan digunakan skuad Penyu untuk tempoh dua tahun bermula 2021.

"Shahrul Nizam yang lebih mesra dengan panggilan 'Nijey' yang bermain di posisi pertahanan tengah, akan memakai jersi dengan nombor 5," menurut kenyataan itu.

Pada 6 Disember lepas, Mohd Faisal Abdul Halim atau terkenal dengan panggilan 'Mickey' merupakan pemain pertama diumumkan menyertai TFC selama dua tahun, bermula musim depan.

Sementara itu dalam kenyataan yang sama, pemain kelahiran Kelantan itu menyifatkan perpindahan ini adalah satu perkembangan positif untuk kariernya dan beliau berjanji untuk memberi persembahan terbaik bagi merebut tempat dalam kesebelasan utama pasukan.

"Aura penyokong di Terengganu dan suasana persekitaran yang tidak jauh berbeza (dengan Kelantan), mendorong saya untuk melakukan perpindahan ini," Shahrul Nizam yang juga merupakan pemain B-23 Malaysia.

- BERNAMA

Pengadil Malaysia diiktiraf antarabangsa

KEWIBAWAAN pegawai perlawanan dari Malaysia terus mendapat pengiktirafan di pentas antarabangsa apabila tiga pengadil kebangsaan telah dipilih bertugas sepanjang saingan Liga Juara-Juara Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) Zon Timur yang berlangsung di Doha, Qatar sejak 19 Nov lalu.

Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) menerusi hantaran dalam laman Facebooknya baru-baru ini, berkata pengadil Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) Amirul Izwan Yaacob dan Muhammad Nazmi Nasaruddin serta penolong pengadil FIFA Mohd Yusri Muhamad terlibat pada pertandingan bola sepak melibatkan kelab elit benua Asia itu.

Amirul, 34, bertindak sebagai pengadil bagi pertemuan Kumpulan E di antara wakil Australia, Melbourne Victory dan kelab Liga Super China, Beijing Guon pada 27 Nov, selain menjadi pegawai keempat untuk perlawanan lain.

Perlawanan berkenaan ialah Beijing Guon menentang wakil Korea Selatan,

FC Seoul pada 21 Nov; Ulsan Hyundai berdepan Perth Glory dari Australia (24 Nov) serta aksi pusingan kedua di antara kelab Jepun, Yokohama F. Marinos dan Suwon Samsung Bluewings dari Korea Selatan pada 1 Dis lalu.

Nazmi, 30, pula dipilih mengadili perlawanan Kumpulan F di antara wakil Korea Selatan, Ulsan Hyundai dan kelab Australia, Perth Glory pada 24 Nov, selain bertindak sebagai pegawai keempat pada dua lagi perlawanan iaitu pertemuan di antara Melbourne Victory dan Beijing Guon pada 27 Nov serta aksi melibatkan kelab Jepun, Yokohama F. Marinos menentang Jeonbuk Hyundai Motor dari Korea Selatan pada 1 Dis lalu.

Yusri, 41, pula bertugas sebagai penolong pengadil bagi empat perlawanan bermula dengan aksi di antara Beijing Guon dan FC Seoul pada 21 Nov, Ulsan Hyundai berdepan Perth Glory (24 Nov), Melbourne Victory dan Beijing Guon (27 Nov) serta aksi Yokohama F. Marinos menentang Suwon

Samsung Bluewings pada 1 Dis.

Menurut FAM, ketiga-tiga pengadil itu turut diberi 'tugas tambahan' mengendalikan perlawanan tunggal Kumpulan E, Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 di antara Qatar menentang Bangladesh di Doha pada 4 Dis lalu dengan Amirul bertindak sebagai pengadil, manakala Yusri sebagai penolong pengadil, dan Nazmi selaku pegawai keempat.

Bernama sebelum ini melaporkan FAM memilih empat pengadil tempatan untuk mengadili Liga Profesional Maldives musim 2020/2021, iaitu Liga Perdana Dhiraagu Dhivehi dari 8 Dis ini hingga 31 Jan tahun depan yang disertai lapan pasukan setelah mendapat jemputan daripada Persatuan Bola Sepak Maldives.

Empat pengadil tersebut ialah Mohd Yaasin Tuan Mohd Hanafiah yang juga pengadil FIFA serta Mohamad Faizudin Ismail, Muhammad Khairulsyahmi Ahmad Khalidi Supian dan Muhammad Izzul Fikri Kamaruzaman. - BERNAMA